

# LAPORAN *FERTILITY AT THE CROSSROAD- CHILDREN NOW, LATER OR NEVER*



Lembaga Penduduk dan Pembangunan  
Keluarga Negara

(Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)

## PRAKATA

Sumbangan dan penglibatan wanita dalam membangunkan negara sememangnya tidak dapat dinafikan. Dengan pelaksanaan dasar kerajaan yang proaktif dan progresif, wanita negara ini turut menjadi penggerak dan penjana pertumbuhan ekonomi negara dan kesejahteraan penduduk. Peranan wanita bukan sahaja dilihat dalam menguruskan hal rumah tangga dan keluarga, malah mereka juga memainkan peranan penting dalam organisasi, pertubuhan dan persatuan serta menjadi penyumbang kepada kemajuan negara. Golongan wanita yang berilmu dan produktif menjadi penyumbang kepada pembangunan negara, di samping peranan membentuk keluarga yang sejahtera dan berkualiti.



Dengan meningkatnya kadar penyertaan tenaga buruh dalam kalangan wanita sedikit sebanyak akan menjejaskan keseimbangan antara kehidupan berkeluarga dan kerjaya dalam kalangan wanita bekerja yang berkahwin. Keadaan ini tidak dapat dielakkan kerana wanita perlu memainkan peranan sebagai seorang isteri, ibu dan juga pekerja. Selain itu, peningkatan kadar penyertaan tenaga buruh dalam kalangan wanita menyebabkan umur perkahwinan yang semakin dilewatkan dan secara tidak langsung akan memberi kesan kepada kadar kesuburan penduduk di negara kita. Kadar kesuburan dilihat terus menurun dan menghampiri paras penggantian.

Umumnya, majoriti pasangan yang berkahwin mempunyai keinginan untuk memiliki anak. Tetapi hakikatnya tidak semua mempunyai keinginan yang sama untuk memiliki anak. Ada yang ingin mempunyai anak sekarang, ada yang ingin melewatkan waktu untuk memiliki anak, dan ada yang tidak inginkan anak langsung. Tambahan pula dengan keadaan di mana kebanyakan suami isteri mempunyai kerjaya masing-masing, pasangan suami isteri lebih cenderung untuk mengamalkan perancang keluarga bagi menjarakkan kelahiran. Ini dapat menghadkan bilangan anak yang ingin dilahirkan. Terdapat juga pasangan yang merancang saiz keluarga yang lebih kecil untuk memberikan kehidupan berkeluarga yang berkualiti.

Justeru itu, diharap Kajian *Fertility At The Crossroad: Children Now, Never or Later* ini dapat menjelaskan lagi faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan seseorang wanita yang bekerja sama ada di sektor kerajaan mahupun swasta untuk mempunyai anak sekarang, melewatkan kelahiran atau tidak inginkan anak. Semoga laporan yang dihasilkan dapat digunakan dalam membentuk dasar and program yang berkaitan untuk membantu wanita dalam membentuk keluarga serta mengimbangi tuntutan kerjaya dan keluarga.

**DATO' DR. SITI NORLASIAH ISMAIL**

**KETUA PENGARAH**

**LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA**

## KANDUNGAN

---

|  |           |
|--|-----------|
| <b>PRAKATA</b>                           | <b>i</b>  |
| <b>SENARAI JADUAL</b>                    | <b>vi</b> |
| <b>BAB 1 : PENGENALAN KAJIAN</b>         |           |
| • Latar Belakang                         | <b>1</b>  |
| • Pernyataan Masalah                     | <b>3</b>  |
| • Rasional Kajian                        | <b>4</b>  |
| • Objektif Kajian                        | <b>5</b>  |
| <b>BAB 2 : METODOLOGI KAJIAN</b>         |           |
| • Pendahuluan                            | <b>6</b>  |
| • Skop Kajian                            | <b>6</b>  |
| • Populasi dan pensampelan               | <b>6</b>  |
| • Instrumen Kajian                       | <b>11</b> |
| • Kajian Rintis                          | <b>11</b> |
| • Pengumpulan Data                       | <b>12</b> |
| • Analisis Data                          | <b>14</b> |
| • Limitasi Kajian                        | <b>15</b> |
| <b>BAB 3 : PROFIL RESPONDEN</b>          |           |
| • Pendahuluan                            | <b>16</b> |
| • Profil Responden                       | <b>16</b> |
| <b>BAB 4 : PERKAHWINAN DAN KESUBURAN</b> |           |
| • Pendahuluan                            | <b>20</b> |
| • Perkahwinan                            | <b>20</b> |
| • Kesuburan                              | <b>23</b> |

|   |           |
|---|-----------|
| <b>BAB 5 : MASALAH KESUBURAN DAN AMALAN PERANCANG KELUARGA</b>        |           |
| • Pendahuluan   | <b>27</b> |
| • Masalah Kesuburan   | <b>27</b> |
| • Amalan Perancang Keluarga   | <b>29</b> |
| <br>  |           |
| <b>BAB 6 : PENJAGAAN ANAK</b>   |           |
| • Pendahuluan   | <b>35</b> |
| • Responden Yang Mempunyai Anak Kecil Berumur 6 Tahun Dan Ke Bawah    | <b>35</b> |
| • Penjagaan Anak  | <b>36</b> |
| • Tanggungjawab Sebagai ibu Bekerja                                   | <b>37</b> |
| • Sokongan Untuk Penjagaan Anak                                       | <b>38</b> |
| <br>  |           |
| <b>BAB 7 : KEINGINAN MELAHIRKAN ANAK</b>                              |           |
| • Pendahuluan   | <b>40</b> |
| • Keinginan Untuk Mempunyai Anak/Anak Lagi                            | <b>40</b> |
| • Bilangan Anak yang Ideal  | <b>45</b> |
| • Perkara Yang Mempengaruhi Keputusan Untuk Melahirkan Anak/Anak Lagi | <b>48</b> |
| • Kesan Jika Melahirkan Anak/Anak Lagi                                | <b>49</b> |
| • Pengaruh Untuk Melahirkan Anak/Anak Lagi                            | <b>50</b> |
| <br>  |           |
| <b>BAB 8 : KESIMPULAN</b>   | <b>51</b> |
| <br>  |           |
| <b>SENARAI RUJUKAN</b>  | <b>53</b> |

## SENARAI JADUAL

- Jadual 1.1 : Kadar Kesuburan Jumlah Bagi Negara-Negara Terpilih di Asia dan Pasifik
- Jadual 1.2 : Kadar Kesuburan Jumlah, Malaysia, 1970-2012
- Jadual 2.1 : Bilangan Wanita Yang Berumur 15-49 Tahun Dan Masih Berkahwin Bagi Sektor Awam Mengikut Lokasi Kajian, 2012
- Jadual 2.2 : Anggaran Saiz Sampel Dan Bilangan Agensi Yang Perlu Dipilih Bagi Sektor Awam Mengikut Lokasi Kajian
- Jadual 2.3 : Anggaran Saiz Sampel Dan Bilangan Syarikat Swasta Yang Perlu Dipilih Mengikut Lokasi Kajian
- Jadual 2.4 : Pencapaian Kerja Lapangan Mengikut Negeri
- Jadual 2.5 : Bilangan Responden Yang Berjaya Ditemubual Mengikut Negeri
- Jadual 2.6 : Nilai Alfa Cronbach bagi Domain Kajian
- Jadual 3.1 : Profil Responden Mengikut Sektor Pekerjaan
- Jadual 4.1 : Min Umur Perkahwinan Pertama Mengikut Maklumat Demografi Dan Sektor Pekerjaan
- Jadual 4.2 : Kekerapan Melakukan Hubungan Seks Dalam Sebulan
- Jadual 4.3 : Responden Yang Tinggal Berjauhan Daripada Suami
- Jadual 4.4 : Min Bilangan Anak Yang Pernah Dilahirkan Mengikut Maklumat Demografi dan Sektor Pekerjaan
- Jadual 5.1 : Responden dan Suami Mengikut Masalah Kesuburan Dan Sektor Pekerjaan
- Jadual 5.2 : Responden Dan Suami Yang Pernah Mendapatkan Sebarang Rawatan Berkaitan Masalah Kesuburan Di Hospital/Klinik
- Jadual 5.3 : Responden Yang Pernah Menggunakan Sebarang Kaedah Perancang Keluarga Mengikut Kaedah Dan Sektor Pekerjaan
- Jadual 5.4 : Responden Yang Pernah Menggunakan Perancang Keluarga Mengikut Sumber Mendapatkan Perancang Keluarga
- Jadual 5.5 : Responden Yang Telah Berhenti Menggunakan Perancang Keluarga Mengikut Sebab-Sebab Berhenti dan Sektor Pekerjaan
- Jadual 5.6 : Sebab-Sebab Tidak Pernah Menggunakan Kaedah Perancang Keluarga Mengikut Sektor Pekerjaan

- Jadual 5.7 : Responden Yang Sedang Menggunakan Sebarang Kaedah Perancang Keluarga Mengikut Kaedah dan Sektor Pekerjaan
- Jadual 5.8 : Responden Yang Sedang Menggunakan Sebarang Kaedah Perancang Keluarga Termasuk Kaedah Tradisional Mengikut Ciri-Ciri Sosio-Demografi Dan Sektor Pekerjaan
- Jadual 6.1 : Responden Yang Mempunyai Anak Berumur 6 Tahun dan Ke Bawah
- Jadual 6.2 : Aturan Penjagaan Anak Berumur Enam Tahun Dan Ke Bawah Mengikut Sektor Pekerjaan
- Jadual 6.3 : Perkara Utama Yang Membimbangkan Responden Sebagai Seorang Ibu Bekerja Mengikut Sektor Pekerjaan
- Jadual 6.4 : Bentuk Sokongan Yang Diperlukan Untuk Penjagaan Anak Mengikut Sektor Pekerjaan
- Jadual 7.1 : Keinginan Mengikut Bilangan Kelahiran Hidup Dan Ciri-Ciri Sosio-Demografi
- Jadual 7.2 : Keinginan Mengikut Bilangan Kelahiran Hidup Dan Ciri-Ciri Sosio-Demografi Dalam Kalangan Pekerja Awam
- Jadual 7.3 : Keinginan Mengikut Bilangan Kelahiran Hidup Dan Ciri-Ciri Sosio-Demografi Dalam Kalangan Pekerja Swasta
- Jadual 7.4 : Bilangan Anak Yang Ideal Mengikut Ciri-Ciri Sosio-Demografi
- Jadual 7.5 : Bilangan Anak Yang Ideal Mengikut Ciri-Ciri Sosio-Demografi Dalam Kalangan Pekerja Awam
- Jadual 7.6 : Bilangan Anak Yang Ideal Mengikut Ciri-Ciri Sosio-Demografi Dalam Kalangan Pekerja Swasta
- Jadual 7.7 : Analisis Min Skor Perkara Yang Mempengaruhi Keputusan Untuk Melahir/Menambah Bilangan Anak
- Jadual 7.9 : Analisis Min Skor Pengaruh Untuk Melahirkan Anak/Anak Lagi

# BAB 1

## Pengenalan Kajian

### 1.1 Latar Belakang

Pada masa kini, isu penurunan kadar kesuburan menjadi satu isu global, bukan sahaja dalam kalangan negara maju bahkan di negara membangun. Kebanyakan negara telah mengalami penurunan kesuburan sejak tahun 1970an. Unjuran Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menunjukkan kebanyakan negara di rantau Asia Pasifik akan mengalami penurunan kadar kesuburan jumlah (KKJ)<sup>1</sup> sehingga tahun 2015-2030 (Jadual 1.1). Negara seperti China, Jepun dan Singapura telah mencapai KKJ di bawah paras penggantian<sup>2</sup> sejak beberapa dekad yang lalu. Pembangunan sosio ekonomi yang pesat di Malaysia sejak lebih lima dekad lalu telah mengakibatkan penurunan kelahiran dan kematian serta peningkatan penghijrahan. Malaysia kini berada dalam fasa kedua transisi demografi di mana kadar kesuburan semakin menurun manakala peratusan penduduk tua semakin meningkat. Penurunan dalam kadar mortaliti dan kesuburan yang berkait rapat dengan peningkatan taraf kualiti hidup memberi impak yang besar kepada pertumbuhan dan saiz penduduk Malaysia.

Penurunan sebenar KKJ di Malaysia adalah jauh lebih pantas daripada trend yang diunjurkan oleh *The Ad-Hoc Committee on Population Issues* di mana unjuran yang dibuat berdasarkan trend KKJ sebelum tahun 1980 menjangkakan paras penggantian hanya akan dicapai di antara 2025 dan 2030 (Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, 2012). KKJ di Malaysia telah menurun dari 6.8 orang anak pada tahun 1957 kepada 2.1 orang anak pada tahun 2010. Penurunan KKJ adalah lebih pesat dalam kalangan etnik Cina dan India di mana KKJ bagi kedua-dua kumpulan etnik ini sekarang adalah lebih rendah daripada paras penggantian. Pada tahun 2010, etnik Cina dan India masing-masing mencapai KKJ 1.7 orang anak dan 1.8 orang anak berbanding 2.6 orang anak bagi etnik Melayu (Jadual 1.2).

---

<sup>1</sup> KKJ ditakrifkan sebagai purata bilangan anak yang dilahirkan oleh seorang wanita sepanjang umur

<sup>2</sup> Setiap pasangan hanya mempunyai dua orang anak untuk mengganti mereka



**Jadual 1.1**  
**Kadar Kesuburan Jumlah Bagi Negara-Negara Terpilih di Asia dan Pasifik**

| Negara                           | Tahun       |             |             |             |
|----------------------------------|-------------|-------------|-------------|-------------|
|                                  | 1975-1980   | 2000-2005   | 2010-2015   | 2020-2025   |
| China                            | 3.01        | 1.55        | 1.66        | 1.72        |
| Jepun                            | 1.83        | 1.30        | 1.41        | 1.54        |
| Republik Korea                   | 2.92        | 1.22        | 1.32        | 1.46        |
| India                            | 4.89        | 3.00        | 2.50        | 2.25        |
| Brunei Darussalam                | 4.71        | 2.28        | 2.01        | 1.85        |
| Kemboja                          | 5.29        | 3.46        | 2.88        | 2.57        |
| Indonesia                        | 4.73        | 2.48        | 2.35        | 2.12        |
| Lao People's Democratic Republic | 6.15        | 3.70        | 3.05        | 2.48        |
| <b>Malaysia</b>                  | <b>3.93</b> | <b>2.45</b> | <b>1.98</b> | <b>1.85</b> |
| Myanmar                          | 5.21        | 2.25        | 1.95        | 1.79        |
| Filipina                         | 5.46        | 3.70        | 3.07        | 2.74        |
| Singapura                        | 1.84        | 1.35        | 1.28        | 1.33        |
| Thailand                         | 3.92        | 1.60        | 1.41        | 1.38        |
| Viet Nam                         | 5.50        | 1.93        | 1.75        | 1.62        |
| Australia                        | 1.99        | 1.75        | 1.88        | 1.87        |
| New Zealand                      | 2.18        | 1.95        | 2.05        | 1.94        |

*Sumber: World Population Prospects: The 2012 Revision, Volume I: Comprehensive Tables, Department of Economics and Social Affairs, Population Division United Nations, New York, 2013*

**Jadual 1.2**  
**Kadar Kesuburan Jumlah, Malaysia, 1970-2012**

| Tahun | Jumlah | Melayu | Cina | India | Lain-lain |
|-------|--------|--------|------|-------|-----------|
| 1991  | 3.4    | 4.1    | 2.4  | 2.8   | 2.0       |
| 2000  | 3.0    | 3.5    | 2.5  | 2.4   | 2.4       |
| 2010  | 2.1    | 2.6    | 1.5  | 1.7   | 1.1       |
| 2012  | 2.1    | 2.6    | 1.6  | 1.5   | 0.9       |

*Sumber: Siri Masa Perangkaan Penting, Malaysia 1963-1998 Perangkaan Penting 2000-2011, Jabatan Perangkaan Malaysia*

## 1.2 PERNYATAAN MASALAH

Penurunan kadar kesuburan akan menimbulkan pelbagai kesan kepada negara. Ini dapat dilihat daripada pengalaman negara-negara lain yang telah mengalami masalah penurunan kesuburan terlebih dahulu, dan tiada negara yang dapat meningkatkan kadar kesuburan setelah ia turun ke paras yang rendah.

Dari segi struktur demografi, penurunan kadar kesuburan telah menyebabkan peningkatan bilangan dan peratusan warga emas yang berumur 60 tahun ke atas. Di Malaysia, peratusan warga emas meningkat kepada 7.9 peratus pada tahun 2010 berbanding 5.7 peratus yang dicatatkan pada tahun 1980 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 1983 & 2010). Mengikut unjuran oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2012), Malaysia akan menjadi sebuah negara menua pada tahun 2035 apabila 15 peratus daripada jumlah penduduknya terdiri daripada warga emas. Ini akan turut memberi kesan kepada beban tanggungan di mana setiap enam orang penduduk dalam kumpulan umur bekerja akan menanggung seorang warga emas dalam tahun 2020, berbanding lapan orang penduduk bekerja bagi setiap warga emas pada tahun 2010 (Syed Abdul Razak Bin Sayed Mahadi, 2009).

Selain itu, penurunan kadar kesuburan yang menyebabkan penurunan penduduk dalam kumpulan umur bekerja juga akan memberi kesan secara langsung kepada pasaran tenaga kerja pada masa hadapan. Jepun sebagai contohnya, dijangka akan mengalami penurunan peratusan penduduk dalam umur bekerja (15-64 tahun) dari sekitar 70.0 peratus pada tahun 2001 kepada 55.0 peratus pada tahun 2050. Dianggarkan pada tahun 2050, negara Jepun terpaksa membawa masuk 10 juta orang migran setiap tahun dari negara luar bagi menampung kekurangan tenaga kerja dalam negara pada ketika itu (David E. Horlacher and Landis MacKellar, 2003).

Dari segi pembentukan keluarga pula, penurunan kadar kesuburan akan menyebabkan bilangan dan saiz isi rumah di Malaysia semakin berubah saban tahun. Bilangan isi rumah meningkat kepada 6.4 juta pada tahun 2010 berbanding 2.5 juta pada tahun 1980. Selain itu, pembentukan isi rumah keluarga asas juga semakin meningkat iaitu daripada 55.0 peratus pada tahun 1980 kepada 62.8 peratus pada tahun 2010. Kecenderungan tersebut

telah menyebabkan purata saiz isi rumah semakin mengecil iaitu daripada 5.2 orang pada tahun 1980 kepada 4.2 orang pada tahun 2010 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 1995 & 2010). Perubahan-perubahan ini seharusnya memberi implikasi terhadap kesejahteraan individu dan institusi keluarga khususnya dalam penjagaan anak dan juga warga emas.

Wanita memainkan peranan yang amat penting dalam menentukan kadar kesuburan. Ramai wanita kini yang berpendidikan tinggi memilih untuk bekerja dan mempunyai masalah penjagaan anak. Ini telah menjadi antara faktor utama dalam penurunan kesuburan. Justeru, kesejahteraan keluarga umumnya dan kebajikan wanita yang bekerja khususnya perlu diberi perhatian bagi memastikan kadar kesuburan di Malaysia tidak terus menurun ke tahap yang lebih rendah. Kajian yang mengkaji faktor yang mempengaruhi keinginan wanita untuk memiliki anak wajar dijalankan sebagai langkah untuk memastikan keperluan wanita bekerja diambil kira dalam pengubalan dasar dan strategi penduduk.

### **1.3 RASIONAL KAJIAN**

Arus pembangunan dan pemodenan di Malaysia telah memberi peluang dan ruang yang luas khususnya kepada wanita untuk meningkatkan taraf pendidikan dan seterusnya memainkan peranan yang penting dalam ekonomi negara. Ini terbukti apabila golongan wanita telah berjaya mengurangkan dominasi golongan lelaki dalam enrolmen di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di mana peratusan wanita telah meningkat daripada 59.7 peratus pada tahun 2007 kepada 60.1 peratus pada tahun 2010 (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2011). Kemajuan yang dicapai oleh golongan wanita dalam bidang pendidikan telah mendorong mereka untuk melibatkan diri dengan lebih aktif dalam pekerjaan. Pada tahun 2012, kadar penyertaan tenaga buruh wanita telah meningkat kepada 49.5 peratus daripada 47.9 peratus pada tahun 2011 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2012).

Peningkatan taraf pendidikan dan penglibatan wanita dalam pekerjaan bukan sahaja telah mengubah peranan dan status wanita dalam institusi keluarga, malahan secara tidak langsung telah mempengaruhi kadar kesuburan di negara ini. Trend melewati perkahwinan semakin ketara berlaku di mana min umur perkahwinan pertama bagi wanita

didapati telah meningkat daripada 23.5 tahun pada tahun 1980 kepada 25.7 tahun pada 2010 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 1983 & 2010). Perkahwinan yang semakin lewat memberi kesan kepada kadar kesuburan di mana tempoh reproduktif wanita semakin singkat.

Di samping itu, wanita yang mementingkan kerjaya mungkin mengeneipkan kelahiran anak. Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Ke-empat (KPKM-4), 2004 yang dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara mendapati wanita yang bekerja sebagai pekerja perkeranian, pengurus kanan/pengurus dan pekerja professional mencatatkan min bilangan anak yang lebih rendah iaitu masing-masing 2.20 orang anak, 2.36 orang anak dan 2.42 orang anak berbanding wanita yang bekerja sebagai pekerja mahir pertanian dan perikanan, 4.81 orang anak.

Justeru itu, kajian ini akan meneliti apakah faktor yang mempengaruhi keputusan wanita untuk ingin melahirkan anak, melewati kehamilan atau tidak ingin mempunyai anak/anak lagi. Kajian ini adalah tepat pada masa dan hasil kajian ini akan dijadikan sebagai input dalam pembentukan dasar dan program yang berkaitan dengan kebajikan wanita untuk membina keluarga sekaligus mengimbangi tuntutan antara kerjaya dan keluarga.

#### **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah untuk:

- Mengenalpasti faktor sosio-ekonomi dan psikologi yang mempengaruhi keputusan wanita yang bekerja dalam sektor awam dan swasta untuk ingin mempunyai anak sekarang, melewati kehamilan atau tidak ingin mempunyai anak/anak lagi; dan
- Mengenalpasti bentuk sokongan yang boleh disediakan oleh majikan dalam usaha untuk mewujudkan persekitaran kerja yang mesra keluarga.

## **BAB 2**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **2.1 PENDAHULUAN**

Metodologi kajian yang sistematik diperlukan bagi memastikan kajian dapat dijalankan dengan teratur dan seterusnya dapat mencapai objektif utama kajian. Bab ini akan menumpukan perbincangan berkaitan skop kajian, populasi dan pensampelan, instrumen kajian, kajian rintis, pengumpulan data, analisis data dan kebolehpercayaan instrumen kajian.

#### **2.2 SKOP KAJIAN**

Kajian ini melibatkan jabatan kerajaan dan syarikat swasta di Wilayah Persekutuan (W.P.) Kuala Lumpur, W.P. Putrajaya dan Selangor. Tiga buah negeri ini dipilih sebagai lokasi kajian kerana ia mempunyai paras urbanisasi yang tinggi berbanding negeri-negeri lain di Malaysia iaitu 91.4 peratus bagi Selangor dan 100.0 peratus bagi W.P. Kuala Lumpur dan W.P. Putrajaya (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2011). Responden kajian ini adalah wanita warganegara Malaysia, berumur di antara 15 hingga 49 tahun, bekerja dan masih berkahwin.

Wanita bekerja tersebut dipilih daripada kedua-dua sektor awam dan swasta. Bagi sektor swasta, syarikat daripada industri pembuatan, perdagangan dan edaran, pertanian, perkhidmatan, dan pembinaan sahaja yang dipilih. Syarikat dari industri ini dipilih kerana ia mempunyai peratusan pekerja wanita yang tertinggi (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2011). Kajian ini hanya meliputi wanita dalam lingkungan umur 15 hingga 49 tahun.

#### **2.3 POPULASI DAN PENSAMPELAN**

Pemilihan sampel kajian ini dilakukan setelah mengambil kira pandangan dan nasihat daripada wakil pihak Bahagian Metodologi, Jabatan Perangkaan Malaysia.

### 2.3.1 Reka Bentuk Pensampelan

Sampel bagi kajian ini telah dipilih menggunakan reka bentuk pensampelan berstrata dengan dua peringkat pemilihan unit pensampelan. Peringkat pemilihan unit pensampelan adalah seperti berikut:-

#### i. Sektor Awam

- Peringkat 1 (*Primary Sampling Unit*):  
Pemilihan agensi kerajaan
- Peringkat 2 (*Secondary Sampling Unit*):  
Pemilihan pekerja dalam setiap agensi kerajaan yang terpilih. (Dianggarkan seramai 30 orang akan dipilih bagi setiap agensi kerajaan).

#### ii. Sektor Swasta

- Peringkat 1 (*Primary Sampling Unit*):  
Pemilihan syarikat swasta
- Peringkat 2 (*Secondary Sampling Unit*):  
Pemilihan pekerja dalam setiap syarikat yang terpilih. (Dianggarkan seramai 20 orang akan dipilih bagi setiap syarikat).

### 2.3.2 Pensampelan Responden Sektor Awam

Rangka pensampelan bagi sektor awam yang digunakan dalam kajian ini telah diperolehi daripada Pangkalan Data HRMIS (*Human Resource Management Information System*) menerusi pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Setelah rangka pensampelan diperolehi, bilangan pekerja wanita yang menepati kriteria responden kajian mengikut lokasi kajian dikenalpasti. Populasi pekerja wanita yang menepati kriteria responden kajian adalah seperti di Jadual 2.1.

**Jadual 2.1**  
**Bilangan Wanita Yang Berumur 15-49 Tahun Dan Masih Berkahwin Bagi Sektor**  
**Awam Mengikut Lokasi Kajian, 2012**

| Lokasi kajian                    | Jumlah (orang) |
|----------------------------------|----------------|
| Wilayah Persekutuan Putrajaya    | 22,904         |
| Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | 23,281         |
| Selangor                         | 46,097         |

\*\*Nota: Statistik ini tidak termasuk Polis dan Tentera

Sumber: EIS, Pangkalan Data HRMIS, Jabatan Perkhidmatan Awam, Januari 2012

Seterusnya, anggaran saiz sampel kajian bagi setiap lokasi kajian dikira menggunakan formula berikut:

$$\text{Saiz sampel, } n = n_2 \times DE$$

di mana:

$$n_2 = \frac{n_1}{r}$$

$$\text{Pembetulan populasi terhingga, } n_1 = \frac{n_0}{\left[1 + \left(\frac{n_0}{N}\right)\right]}$$

$$n_0 = \frac{z^2 p(1-p)}{d^2}$$

Nilai kritikal,  $z = 1.96$

Perkadaran sampel,  $p = 0.5^3$

Ralat pensampelan,  $d = 0.05$

Kadar respons,  $r = 0.8$

Kesan rekabentuk,  $DE = 2$

Setelah mendapat anggaran saiz sampel bagi setiap lokasi kajian, bilangan agensi yang perlu dipilih dikira dengan anggapan bahawa 30 orang pekerja akan dipilih daripada setiap agensi kerajaan. Formula yang digunakan ialah:

$$\text{Bilangan agensi} = \frac{n}{30}$$

---

<sup>3</sup> Nilai perkadaran sampel,  $p$ , ditetapkan pada 0.5 kerana mengambil kira kadar penggunaan kontraseptif iaitu lebih kurang 50 peratus, berdasarkan hasil yang diperolehi dalam Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Keempat (KPKM-4), 2004.

Anggaran saiz sampel dan bilangan agensi yang perlu dipilih daripada setiap lokasi kajian adalah seperti di Jadual 2.2.

**Jadual 2.2**  
**Anggaran Saiz Sampel Dan Bilangan Agensi Yang Perlu Dipilih Bagi Sektor Awam Mengikut Lokasi Kajian**

| Lokasi kajian                    | Saiz sampel, n<br>(orang) | Bilangan agensi |
|----------------------------------|---------------------------|-----------------|
| Wilayah Persekutuan Putrajaya    | 945                       | 32              |
| Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | 945                       | 31              |
| Selangor                         | 952                       | 32              |

Setelah mendapat bilangan agensi yang perlu dipilih bagi setiap lokasi kajian, pemilihan agensi dibuat secara rawak berdasarkan rangka pensampelan yang telah diterima daripada JPA. Memandangkan bilangan pekerja wanita yang menepati kriteria responden adalah berbeza-beza di setiap agensi, maka, bilangan responden yang perlu dipilih daripada setiap agensi kerajaan perlu dikira semula dengan menggunakan kaedah Pensampelan Berkebarangkalian Berkadaran dengan Saiz (*probability proportionate to size*). Formula yang digunakan ialah:

***Bilangan responden perlu dipilih***

$$= \frac{\text{Bilangan pekerja wanita yang menepati kriteria responden di setiap agensi}}{\text{Jumlahpekerja wanita yang menepati kriteria responden di setiap negeri}} \times n$$

**2.3.3 Pensampelan Responden Syarikat Swasta**

Rangka pensampelan bagi syarikat swasta pula telah diperolehi daripada *National Enterprise-wide Statistical System* (NEWSS) menerusi Jabatan Perangkaan Malaysia. Maklumat berkaitan bilangan pekerja wanita yang menepati kriteria responden kajian tidak dapat diperolehi sebelum pemilihan syarikat swasta dilakukan. Oleh itu, ditetapkan 20 orang responden akan dipilih daripada setiap syarikat dengan anggapan setiap syarikat tersebut mempunyai bilangan pekerja wanita yang menepati kriteria responden mengikut jumlah tersebut.



Anggaran saiz sampel kajian bagi setiap lokasi kajian telah dikira menggunakan formula berikut:

$$\text{Saiz sampel, } n = n_2 \times DE$$

di mana:

$$n_2 = \frac{n_1}{r}$$

$$\text{Pembetulan populasi terhingga, } n_1 = \frac{n_0}{\left[1 + \left(\frac{n_0}{N}\right)\right]}$$

$$n_0 = \frac{z^2 p(1-p)}{d^2}$$

Nilai kritikal,  $z = 1.96$

Perkadaran sampel,  $p = 0.5$

Ralat pensampelan,  $d = 0.1$

Kadar respons,  $r = 0.8$

Kesan rekabentuk,  $DE = 2$

Setelah mendapat anggaran saiz sampel bagi setiap lokasi kajian, bilangan pertubuhan yang perlu dipilih dikira menggunakan formula berikut:

$$\text{Bilangan agensi} = \frac{n}{20}$$

Anggaran saiz sampel dan bilangan pertubuhan yang perlu dipilih daripada setiap lokasi kajian adalah seperti di Jadual 2.3.

**Jadual 2.3**  
**Anggaran Saiz Sampel Dan Bilangan Syarikat Swasta Yang Perlu Dipilih Mengikut Lokasi Kajian**

| Lokasi kajian                    | Saiz sampel (orang) | Bilangan pertubuhan |
|----------------------------------|---------------------|---------------------|
| Wilayah Persekutuan Putrajaya    | 1,020               | 51                  |
| Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | 2,631               | 132                 |
| Selangor                         | 2,640               | 132                 |

Setelah mendapat bilangan syarikat yang perlu dipilih bagi setiap lokasi kajian, pemilihan syarikat dibuat secara rawak berdasarkan rangka pensampelan yang telah diperolehi daripada NEWSS.

## 2.4 INSTRUMEN KAJIAN

Data primer bagi kajian ini dikumpul melalui borang soal selidik berstruktur yang dibina khusus bagi mencapai objektif kajian. Borang soal selidik ini terdiri daripada enam seksyen, iaitu:

- Seksyen 1: Perihal Pekerjaan
- Seksyen 2: Perkahwinan dan Kesuburan
- Seksyen 3: Kesihatan Reproduksi
- Seksyen 4: Penjagaan Anak
- Seksyen 5: Keinginan Melahirkan Anak
- Seksyen 6: Profil Responden

Instrumen ini dibentuk oleh kumpulan penyelidik LPPKN dengan mengambilkira pandangan, komen dan cadangan daripada Ahli Jawatankuasa Teknikal Kajian. Instrumen yang telah siap dibentuk seterusnya dibentangkan kepada Jawatankuasa Penyelidikan LPPKN untuk mendapatkan persetujuan dan kelulusan. Borang soal selidik yang disediakan adalah seperti di **Lampiran A**.

## 2.5 KAJIAN RINTIS

Kajian rintis telah dijalankan sebanyak dua kali iaitu pada 17 hingga 21 November 2011 dan 4 hingga 9 April 2012. Kajian rintis yang pertama telah dijalankan di Bangunan Ibu Pejabat LPPKN, Jalan Raja Laut. Tujuan kajian rintis ini diadakan adalah untuk menguji kefahaman, kesesuaian dan aliran soalan serta menganggarkan masa yang diperlukan oleh responden untuk melengkapkan borang soal selidik. Kajian rintis ini telah berjaya mengumpul maklumat daripada 48 orang pegawai LPPKN. Komen dan cadangan yang diberikan oleh responden telah digunakan untuk penambahbaikan borang soal selidik kajian.

Kajian rintis yang kedua pula telah melibatkan tiga buah agensi kerajaan dan pertubuhan swasta. Tujuan utama kajian rintis kali kedua ini diadakan pula adalah untuk menguji modus operandi kajian di samping untuk menguji instrumen kajian yang telah diperbaiki dan diubahsuai. Kajian rintis yang kedua ini melibatkan seramai 35 orang responden. Kajian

rintis tersebut mendapati modus operandi kajian yang digunakan adalah sesuai dan boleh diperluaskan untuk semua agensi kerajaan dan syarikat swasta.

## **2.6 PENGUMPULAN DATA**

Borang soal selidik telah diedarkan kepada responden terpilih semasa lawatan kumpulan penemubual ke agensi kerajaan dan syarikat swasta. Taklimat ringkas berkaitan kajian yang dijalankan serta kepentingannya turut disampaikan kepada responden di beberapa buah agensi kerajaan dan pertubuhan swasta yang memerlukannya. Borang soal selidik akan dikumpulkan semula setelah kesemua soalan dijawab oleh responden.

### **2.6.1 Pencapaian Kerja Lapangan**

Jumlah agensi kerajaan dan pertubuhan swasta yang disasarkan adalah sebanyak 410 buah. Daripada bilangan ini, hanya 326 (79.5%) buah sahaja yang didapati sesuai untuk ditemubual dan bakinya dianggap tidak sesuai untuk ditemubual. Kesemua sampel yang tidak sesuai ditemubual merupakan sampel pertubuhan swasta (Jadual 2.4). Antara sebab utama pertubuhan tersebut tidak sesuai ditemubual dalam kajian ini adalah kerana tidak dapat dihubungi dan tiada responden yang sesuai. Secara keseluruhannya, daripada 326 buah agensi kerajaan dan pertubuhan swasta yang sesuai ditemubual ini, sebanyak 218 (66.9%) buah telah berjaya ditemubual. Peratusan pencapaian temubual adalah lebih tinggi bagi sektor awam berbanding sektor swasta.

Bagi bilangan responden pula, maklumat telah berjaya dikumpul daripada seramai 3,393 orang responden iaitu 2,173 orang responden sektor awam dan 1,220 orang responden sektor swasta. Bilangan responden yang terperinci mengikut setiap negeri adalah seperti di Jadual 2.5.

**Jadual 2.4**  
**Pencapaian Kerja Lapangan Mengikut Negeri**

| <b>Sektor Pekerjaan</b>          | <b>Bilangan Sasaran</b> | <b>Bilangan yang sesuai ditemubual</b> | <b>Bilangan yang berjaya ditemubual</b> |
|----------------------------------|-------------------------|--|---|
| <b>Awam</b>                      |                         |  |   |
| Selangor                         | 32                      | 32 (100.0%)                            | 29 (90.6%)                              |
| Wilayah Persekutuan Putrajaya    | 32                      | 32 (100.0%)                            | 27 (84.4%)                              |
| Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | 31                      | 31 (100.0%)                            | 27 (87.1%)                              |
| <b>Jumlah</b>                    | <b>95</b>               | <b>95 (100.0%)</b>                     | <b>83 (87.4%)</b>                       |
| <b>Swasta</b>                    |                         |  |   |
| Selangor                         | 132                     | 88 (66.7%)                             | 56 (63.6%)                              |
| Wilayah Persekutuan Putrajaya    | 51                      | 51 (100.0%)                            | 38 (74.5%)                              |
| Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | 132                     | 80 (60.6%)                             | 41 (51.3%)                              |
| <b>Jumlah</b>                    | <b>315</b>              | <b>231 (73.3%)</b>                     | <b>135 (58.4%)</b>                      |

**Jadual 2.5**  
**Bilangan Responden Yang Berjaya Ditemubual Mengikut Negeri**

| <b>Sektor Pekerjaan</b>          | <b>Pencapaian</b> |
|----------------------------------|-------------------|
| <b>Awam</b>                      |                   |
| Selangor                         | 695               |
| Wilayah Persekutuan Putrajaya    | 777               |
| Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | 701               |
| <b>Jumlah</b>                    | <b>2,173</b>      |
| <b>Swasta</b>                    |                   |
| Selangor                         | 613               |
| Wilayah Persekutuan Putrajaya    | 134               |
| Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | 473               |
| <b>Jumlah</b>                    | <b>1,220</b>      |

## 2.7 ANALISIS DATA

Data yang telah dikumpul kemudiannya dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)* Versi 22.0. Penyeliaan proses kemasukan data dan penyemakan konsistensi data secara teliti telah dilakukan bagi memastikan segala data yang diperolehi adalah tepat dan lengkap. Data-data ini dianalisis menggunakan analisis data kuantitatif iaitu statistik deskriptif yang merangkumi kekerapan, peratusan, min, minimum dan maksimum.

### 2.7.1 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Kebolehpercayaan instrumen kajian ini telah diukur menggunakan kaedah konsistensi dalaman (*internal consistency approach*). Langkah ini amat penting kerana ia merujuk kepada keupayaan suatu kajian untuk memperoleh nilai yang serupa apabila pengukuran yang sama diulangi (Chua, 2006). Jadual 2.6 meringkaskan nilai pekali alfa Cronbach bagi instrumen kajian ini.

**Jadual 2.6**  
**Nilai Alfa Cronbach bagi Domain Kajian**

| <b>Bil.</b> | <b>Domain</b>  | <b>Bil. Item</b> | <b>Nilai Alfa Cronbach</b> |
|-------------|--|------------------|----------------------------|
| 1           | Faktor yang mempengaruhi keputusan untuk melahirkan anak/anak lagi | 12               | 0.867                      |
| 2           | Kesan jika melahirkan anak/anak lagi                               | 11               | 0.918                      |
| 3           | Pengaruh untuk melahirkan anak/anak lagi                           | 4                | 0.944                      |

## 2.8 LIMITASI KAJIAN

Antara limitasi bagi kajian ini adalah:

- Sampel kajian yang digunakan adalah terdiri daripada wanita yang bekerja di dalam sektor awam dan swasta sahaja dan tidak meliputi wanita yang bekerja di dalam sektor tidak formal;
- Kajian ini hanya dijalankan di tiga buah negeri sahaja;
- Sukar mendapat kerjasama daripada beberapa sampel terutamanya sampel pertubuhan swasta yang menyebabkan kadar respon menjadi rendah dan tempoh operasi kerja lapangan terpaksa dipanjangkan; dan
- Terdapat soal selidik yang tidak dijawab dengan lengkap memandangkan kaedah pengumpulan maklumat yang digunakan ialah soal selidik tadbir-sendiri.

## **BAB 3**

### **PROFIL RESPONDEN**

#### **3.1 PENDAHULUAN**

Responden kajian ini terdiri daripada wanita yang masih berkahwin, berumur 15 hingga 49 tahun, bekerja di sektor awam dan swasta di sekitar Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Bab ini akan melaporkan maklumat berkaitan profil responden yang terpilih dari segi umur, etnik, agama, tahap pendidikan, jumlah pendapatan dan jenis tempat kediaman.

#### **3.2 PROFIL RESPONDEN**

Kajian ini telah berjaya mengumpul maklumat daripada 3,393 orang responden wanita yang bekerja di sektor awam atau swasta di kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Selangor. Seramai 2,173 orang (64.0%) responden adalah dari sektor awam dan 1,220 orang (36.0%) dari sektor swasta.

Jadual 3.1 menunjukkan satu per tiga daripada responden terdiri daripada wanita berumur 30-34 tahun, diikuti oleh mereka yang berumur 25-29 tahun (27.0%). Majoriti daripada responden terdiri daripada kaum Melayu (83.3%), diikuti oleh Cina (6.5%) dan India (6.3%). Jika dibandingkan taburan etnik responden mengikut sektor pekerjaan, pecahan etnik Cina dan India adalah lebih besar di sektor swasta berbanding sektor awam iaitu masing-masing 15.3 peratus dan 11.6 peratus.

Seperti pecahan mengikut etnik, pecahan mengikut agama juga menunjukkan corak yang sama di mana majoriti responden adalah beragama Islam (85.4%), diikuti oleh Buddha (4.5%), Hindu (5.6%) dan Kristian (3.5%). Perbandingan mengikut sektor pekerjaan menunjukkan peratusan responden yang beragama Buddha, Hindu dan Kristian adalah lebih tinggi di sektor swasta berbanding sektor awam.

Bagi pecahan mengikut tahap pendidikan pula, sebahagian besar responden kajian mempunyai tahap pendidikan sama ada Tingkatan 6/ Sijil/ Diploma atau tertiar. Corak ini

adalah sama bagi kedua-dua sektor awam dan swasta. Hanya segelintir kecil merupakan mereka yang mempunyai tahap pendidikan sekolah rendah.

Data menunjukkan 61.0 peratus daripada responden mempunyai pendapatan bulanan RM1,000.00 – RM2,999.99, dan peratusan ini berbeza dari 65.5 peratus di sektor awam dan 53.0 peratus di sektor swasta.

Bagi perihal tempat kediaman, didapati 40.8 peratus daripada responden tinggal di rumah teres dan 38.6 peratus di rumah flat/apartmen. Jika dibandingkan mengikut sektor pekerjaan, terdapat 42.1 peratus responden dari sektor awam tinggal di rumah pangsa manakala 43.5 peratus responden dari sektor swasta tinggal di rumah teres.

Bagi peratusan individu yang tinggal bersama responden pada masa kajian dijalankan, carta 3.2 menunjukkan 92.2 peratus daripada responden tinggal bersama suami dan 78.3 peratus bersama anak. Selain itu, terdapat juga responden yang mempunyai ahli keluarga lain yang tinggal bersama mereka iaitu adik-beradik (11.2%), ibu bapa (8.4%) dan mentua (6.5%).

**Jadual 3.1**  
**Profil Responden Mengikut Sektor Pekerjaan**

| Profil responden | Sektor Pekerjaan     |                      | Keseluruhan          |
|------------------|----------------------|----------------------|----------------------|
|                  | Awam                 | Swasta               |                      |
|                  | Bilangan, n (%)      | Bilangan, n (%)      | Bilangan, n (%)      |
| <b>Negeri</b>    |                      |                      |                      |
| Melayu           | 695 (32.0)           | 613 (50.2)           | 1,308 (38.5)         |
| W.P. Melayu      | 701 (32.3)           | 473 (38.8)           | 1,174 (34.6)         |
| W.P. Putrajaya   | 777 (35.8)           | 134 (11.0)           | 911 (26.8)           |
| <b>Jumlah</b>    | <b>2,173 (100.0)</b> | <b>1,220 (100.0)</b> | <b>3,393 (100.0)</b> |
| <b>Umur</b>      |                      |                      |                      |
| < 25 tahun       | 54 (2.5)             | 35 (2.9)             | 89 (2.6)             |
| 25 – 29 tahun    | 644 (29.6)           | 272 (22.3)           | 916 (27.0)           |
| 30 – 34 tahun    | 791 (36.4)           | 352 (28.9)           | 1,143 (33.7)         |
| 35 – 39 tahun    | 372 (17.1)           | 278 (22.8)           | 650 (19.2)           |
| 40 – 44 tahun    | 154 (7.1)            | 159 (13.0)           | 313 (9.2)            |
| 45 – 49 tahun    | 147 (6.8)            | 108 (8.9)            | 255 (7.5)            |
| Tiada Maklumat   | 11 (0.5)             | 16 (1.3)             | 27 (0.8)             |
| <b>Jumlah</b>    | <b>2,173 (100.0)</b> | <b>1,220 (100.0)</b> | <b>3,393 (100.0)</b> |



| Profil responden            | Sektor Pekerjaan     |                      | Keseluruhan          |
|-----------------------------|----------------------|----------------------|----------------------|
|                             | Awam                 | Swasta               |                      |
|                             | Bilangan, n (%)      | Bilangan, n (%)      | Bilangan, n (%)      |
| <b>Etnik</b>                |                      |                      |                      |
| Melayu                      | 2,000 (92.0)         | 826 (67.7)           | 2,826 (83.3)         |
| Cina                        | 32 (1.5)             | 187 (15.3)           | 219 (6.5)            |
| India                       | 73 (3.4)             | 142 (11.6)           | 215 (6.3)            |
| Bumiputera lain             | 59 (2.7)             | 42 (3.4)             | 101 (3.0)            |
| Lain-Lain                   | 5 (0.2)              | 18 (1.5)             | 23 (0.7)             |
| Tiada Maklumat              | 4 (0.2)              | 5 (0.4)              | 9 (0.3)              |
| <b>Jumlah</b>               | <b>2,173 (100.0)</b> | <b>1,220 (100.0)</b> | <b>3,393 (100.0)</b> |
| <b>Agama</b>                |                      |                      |                      |
| Islam                       | 2,046 (94.2)         | 850 (69.7)           | 2,829 (85.4)         |
| Buddha                      | 15 (0.7)             | 138 (11.3)           | 153 (4.5)            |
| Hindu                       | 66 (3.0)             | 125 (10.2)           | 191 (5.6)            |
| Kristian                    | 35 (1.6)             | 84 (6.9)             | 119 (3.5)            |
| Lain-Lain                   | 7 (0.3)              | 18 (1.5)             | 25 (0.7)             |
| Tiada Maklumat              | 4 (0.2)              | 5 (0.4)              | 9 (0.3)              |
| <b>Jumlah</b>               | <b>2,173 (100.0)</b> | <b>1,220 (100.0)</b> | <b>3,393 (100.0)</b> |
| <b>Tahap Pendidikan</b>     |                      |                      |                      |
| Rendah                      | -                    | 19 (1.6)             | 19 (0.6)             |
| Menengah                    | 563 (25.9)           | 321 (26.3)           | 884 (26.1)           |
| Tingkatan 6/ Sijil/ Diploma | 853 (39.6)           | 457 (37.5)           | 1,310 (38.6)         |
| Tertiari                    | 751 (34.6)           | 412 (33.8)           | 1,163 (34.3)         |
| Tiada Maklumat              | 6 (0.3)              | 11 (0.9)             | 17 (0.5)             |
| <b>Jumlah</b>               | <b>2,173 (100.0)</b> | <b>1,220 (100.0)</b> | <b>3,393 (100.0)</b> |
| <b>Pendapatan</b>           |                      |                      |                      |
| <RM1,000.00                 | 6 (0.3)              | 61 (5.0)             | 67 (2.0)             |
| RM1,000.00 – RM1,999.99     | 783 (36.0)           | 324 (26.6)           | 1,107 (32.6)         |
| RM2,000.00 – RM2,999.99     | 641 (29.5)           | 322 (26.4)           | 963 (28.4)           |
| RM3,000.00 – RM3,999.99     | 401 (18.5)           | 219 (18.0%)          | 620 (18.3%)          |
| RM4,000.00 – RM4,999.99     | 153 (7.0)            | 99 (8.1%)            | 252 (7.4)%           |
| RM5,000.00 dan ke atas      | 167 (7.7%)           | 132 (10.8%)          | 299 (8.8%)           |
| Tiada Maklumat              | 22 (1.0%)            | 63 (5.2%)            | 85 (2.5%)            |
| <b>Jumlah</b>               | <b>2,173 (100.0)</b> | <b>1,220 (100.0)</b> | <b>3,393 (100.0)</b> |

| Profil responden      | Sektor Pekerjaan     |                      | Keseluruhan          |
|-----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|
|                       | Awam                 | Swasta               |                      |
|                       | Bilangan, n (%)      | Bilangan, n (%)      | Bilangan, n (%)      |
| <b>Jenis kediaman</b> |                      |                      |                      |
| Rumah Sesebuah        | 134 (6.2)            | 81 (6.6)             | 215 (6.3)            |
| Rumah Berkembar       | 114 (5.2)            | 65 (5.3)             | 179 (5.3)            |
| Rumah Teres           | 855 (39.3)           | 531 (43.5)           | 1,386 (40.8)         |
| Rumah Bandar          | 20 (0.9)             | 29 (2.4)             | 49 (1.4)             |
| Rumah Kluster         | 16 (0.7)             | 5 (0.4)              | 21 (0.6)             |
| Flat/Apartmen         | 915 (42.1)           | 395 (32.4)           | 1,310 (38.6)         |
| Kondominium           | 53 (2.4)             | 79 (6.5)             | 132 (3.9)            |
| Lain-Lain             | 59 (2.7)             | 23 (1.9)             | 82 (2.4)             |
| Tiada Maklumat        | 7 (0.3)              | 12 (1.0)             | 19 (0.6)             |
| <b>Jumlah</b>         | <b>2,173 (100.0)</b> | <b>1,220 (100.0)</b> | <b>3,393 (100.0)</b> |

## **BAB 4**

### **PERKAHWINAN DAN KESUBURAN**

#### **4.1 PENDAHULUAN**

Umumnya, pembentukan sesebuah keluarga bermula dengan sebuah perkahwinan. Perkahwinan seseorang wanita adalah sebagai permulaan untuk mempunyai anak. Bab ini akan menghuraikan perihal perkahwinan dan kesuburan bagi responden. Subtopik perkahwinan yang dibincangkan akan merangkumi umur perkahwinan pertama, kekerapan melakukan hubungan seks dan perihal responden yang tinggal berjauhan dengan suami. Subtopik kesuburan pula akan merangkumi bilangan anak yang pernah dilahirkan oleh responden.

#### **4.2 PERKAHWINAN**

##### **4.2.1 Umur perkahwinan pertama**

Secara keseluruhannya, min umur perkahwinan pertama bagi responden kajian ini ialah 25.6 tahun. Min umur ini tidak berbeza dalam kalangan responden dari sektor awam dan sektor swasta.

Jadual 4.1 menunjukkan min umur perkahwinan pertama mengikut umur semasa, etnik dan tahap pendidikan responden. Daripada segi umur, min umur perkahwinan pertama adalah paling tinggi dalam kumpulan umur 40 hingga 44 tahun iaitu 26.3 tahun. Namun, min umur ini adalah hampir sama dengan min umur kumpulan 35 hingga 39 tahun dan 30 hingga 34 tahun di mana min umur masing-masing ialah 26.1 tahun dan 25.9 tahun.

Analisis mengikut etnik pula menunjukkan responden Cina paling lewat berkahwin iaitu pada min umur 27.4 tahun, diikuti oleh responden India (26.4 tahun), Bumiputera (25.8 tahun) dan Melayu (25.3 tahun). Perbandingan mengikut etnik dan sektor turut menunjukkan corak yang sama di mana responden etnik Cina paling lewat kahwin dan responden etnik Melayu adalah yang paling awal.

Didapati bahawa semakin tinggi tahap pendidikan, semakin lewat umur perkahwinan pertama. Data menunjukkan min umur perkahwinan pertama adalah paling tinggi bagi responden yang berpendidikan tertiar iaitu 26.6 tahun, diikuti dengan responden berpendidikan tingkatan 6/ sijil/ diploma (25.5 tahun), pendidikan menengah (24.3 tahun) dan pendidikan rendah (22.1 tahun). Corak yang sama juga dapat dilihat jika dibandingkan bagi responden sektor awam dan sektor swasta.

**Jadual 4.1**  
**Min Umur Perkahwinan Pertama Mengikut Maklumat Demografi Dan Sektor Pekerjaan**

| Maklumat demografi             | Sektor Pekerjaan |             | Keseluruhan |
|--------------------------------|------------------|-------------|-------------|
|                                | Awam             | Swasta      |             |
| <b>Total</b>                   | <b>25.5</b>      | <b>25.6</b> | <b>25.6</b> |
| <b>Umur Semasa (tahun)</b>     |                  |             |             |
| < 25                           | 22.4             | 21.4        | 22.0        |
| 25-29                          | 24.8             | 24.8        | 24.8        |
| 30-34                          | 25.9             | 26.0        | 25.9        |
| 35-39                          | 26.0             | 26.4        | 26.1        |
| 40-44                          | 26.4             | 26.3        | 26.3        |
| 45-49                          | 25.9             | 25.0        | 25.5        |
| <b>Etnik</b>                   |                  |             |             |
| Melayu                         | 25.4             | 25.1        | 25.3        |
| Cina                           | 27.5             | 27.4        | 27.4        |
| India                          | 26.5             | 26.4        | 26.4        |
| Bumiputera lain                | 26.3             | 25.1        | 25.8        |
| Lain-Lain                      | 28.8             | 25.2        | 26.0        |
| <b>Tahap Pendidikan</b>        |                  |             |             |
| Rendah                         | -                | 22.1        | 22.1        |
| Menengah                       | 24.6             | 24.0        | 24.3        |
| Tingkatan 6/ Sijil/<br>Diploma | 25.4             | 25.8        | 25.5        |
| Tertiar                        | 26.5             | 26.9        | 26.6        |

#### 4.2.2 Kekeperan melakukan hubungan seks

Kajian ini turut mengkaji tentang kekeperan melakukan hubungan seks oleh responden dengan suami dalam sebulan. Analisis dijalankan untuk melihat taburan peratus kekeperan melakukan hubungan seks mengikut sektor pekerjaan. Jadual 4.2 menunjukkan 54.6% daripada responden menyatakan bahawa mereka mengadakan hubungan seks antara 1 hingga 5 kali sebulan. Selebihnya, 32.7 peratus daripada reponden menyatakan mereka mengadakan hubungan seks 6 hingga 10 kali sebulan, 9.6 peratus 11 hingga 15 kali sebulan dan 3.1 peratus mengadakan hubungan seks lebih daripada 15 kali sebulan.

**Jadual 4.2**  
**Kekeperan Melakukan Hubungan Seks Dalam Sebulan**

| Kekeperan Melakukan Hubungan Seks dalam Sebulan (kali) | Sektor Pekerjaan     |                      | Keseluruhan          |
|--|----------------------|----------------------|----------------------|
|  | Awam                 | Swasta               |                      |
| 1 – 5  | 1,058 (51.7)         | 627 (60.3)           | 1,685 (54.6)         |
| 6 – 10   | 708 (34.6)           | 300 (28.8)           | 1,008 (32.7)         |
| 11 – 15  | 215 (10.5)           | 82 (7.9)             | 297 (9.6)            |
| 15+  | 66 (3.2)             | 31 (3.0)             | 97 (3.1)             |
| <b>Jumlah</b>  | <b>2,047 (100.0)</b> | <b>1,040 (100.0)</b> | <b>3,087 (100.0)</b> |

#### 4.2.3 Tinggal berjauhan daripada suami

Analisis seterusnya adalah berkaitan responden yang tinggal berjauhan daripada suami. Didapati 7.7 peratus atau 260 orang daripada responden yang menyatakan mereka tinggal berjauhan daripada suami. Daripada jumlah ini, sebanyak 36.9 peratus tinggal berjauhan daripada suami untuk tempoh kurang daripada 1 tahun, 21.5 peratus telah tinggal berjauhan daripada suami untuk tempoh 1 hingga 2 tahun, 15.4 peratus untuk tempoh 3 hingga 4 tahun dan 11.9 peratus untuk tempoh 5 tahun dan lebih (Jadual 4.3). Isu pasangan tinggal berjauhan perlu diberi perhatian kerana suami memainkan peranan yang sangat penting dalam sesebuah keluarga.

**Jadual 4.3**  
**Responden Yang Tinggal Berjauhan Daripada Suami**

|  | Sektor Pekerjaan     |                      | Keseluruhan          |
|--|----------------------|----------------------|----------------------|
|  | Awam                 | Swasta               |                      |
| <b>Tinggal berjauhan dengan suami</b>        |                      |                      |                      |
| Ya   | 180 (8.3)            | 80 (6.6)             | 260 (7.7)            |
| Tidak  | 1,987 (91.7)         | 1,134 (93.4)         | 3,121 (92.3)         |
| <b>Jumlah</b>                                | <b>2,167 (100.0)</b> | <b>1,214 (100.0)</b> | <b>3,381 (100.0)</b> |
| <b>Tempoh tinggal berjauhan dengan suami</b> |                      |                      |                      |
| <1 tahun                                     | 68 (37.8)            | 28 (35.0)            | 96 (36.9)            |
| 1 – 2 tahun                                  | 42 (23.3)            | 14 (17.5)            | 56 (21.5)            |
| 3 – 4 tahun                                  | 26 (14.4)            | 14 (17.5)            | 40 (15.4)            |
| 5+ tahun                                     | 22 (12.2)            | 9 (11.3)             | 31 (11.9)            |
| TM   | 22 (12.2)            | 15 (18.8)            | 37 (14.2)            |
| <b>Jumlah</b>                                | <b>180 (100.0)</b>   | <b>80 (100.0)</b>    | <b>260 (100.0)</b>   |

### 4.3 KESUBURAN

Kesuburan atau fertiliti merujuk kepada bilangan anak yang dilahirkan oleh seorang wanita. Analisis di dalam subtopik ini merujuk kepada bilangan kelahiran hidup setiap wanita. Analisis ini turut mengambil kira wanita yang tidak pernah hamil. Analisis terhadap kesuburan dibuat mengikut etnik, agama, pendidikan, umur, umur semasa perkahwinan pertama dan pendapatan responden.

#### 4.3.1 Bilangan anak yang pernah dilahirkan

Analisis bagi bilangan anak yang pernah dilahirkan dilakukan dengan mendapatkan min ke atas bilangan anak yang pernah dilahirkan. Jadual 4.6 menunjukkan secara keseluruhan, min bilangan anak yang pernah dilahirkan oleh responden kajian ini ialah 1.9 orang anak. Jika dibandingkan mengikut sektor pekerjaan, min bilangan anak yang pernah dilahirkan bagi sektor awam dan sektor swasta masing-masing ialah 1.8 dan 1.9 orang anak.

Adalah jelas bahawa bilangan anak bertambah mengikut umur seseorang wanita. Seseorang wanita juga dikatakan mencapai kesuburan lengkap apabila mereka berada dalam kumpulan umur 45 hingga 49 tahun, iaitu tahap akhir umur reproduktif wanita. Min bilangan anak

yang dilahirkan meningkat dari 0.7 orang dalam kalangan responden yang berumur 24 tahun ke bawah ke 1.0 orang, 1.7 orang, 2.6 orang dan 2.9 orang bagi mereka yang berumur 25-29 tahun, 30-34 tahun, 35-39 tahun dan 40-44 tahun masing-masing. Min bilangan anak yang pernah dilahirkan bagi responden dalam kumpulan umur 45 hingga 49 tahun adalah yang paling tinggi iaitu 3.0 orang anak. Corak yang sama juga dapat dilihat jika perbandingan dibuat mengikut kumpulan umur dan sektor pekerjaan di mana bilangan anak bertambah mengikut umur seseorang wanita. Akan tetapi, min bilangan anak yang pernah dilahirkan bagi responden dalam kumpulan umur 45 hingga 49 tahun di sektor awam adalah lebih tinggi daripada responden sektor swasta iaitu 3.1 orang anak berbanding 2.8 orang anak.

Bagi perbandingan mengikut etnik responden, didapati responden etnik Melayu mempunyai min bilangan anak yang paling tinggi iaitu 1.9 orang anak, diikuti oleh kaum India (1.6), kaum Cina (1.5) dan Bumiputera lain (1.3). Perbandingan mengikut tahap pendidikan responden menunjukkan responden yang berpendidikan rendah mempunyai lebih ramai anak berbanding wanita yang berpendidikan tertiar iaitu 3.1 orang berbanding 1.7 orang anak.

Secara umumnya, umur perkahwinan pertama wanita secara langsung mempengaruhi bilangan anak yang pernah dilahirkan. Wanita yang berkahwin pada umur yang lebih muda mempunyai lebih ramai anak berbanding mereka yang berkahwin pada umur yang lebih lewat. Corak ini terbukti dalam kajian ini di mana min bilangan anak berkurangan mengikut umur perkahwinan.

Bagi perbandingan mengikut pendapatan responden pula, secara keseluruhannya, pendapatan tidak mempengaruhi bilangan anak yang dilahirkan kerana tidak terdapat satu corak yang konsisten antara kedua-dua pembolehubah. Walaubagaimanapun, jika dibandingkan mengikut sektor pekerjaan, bagi responden sektor awam, dapat dilihat bahawa semakin tinggi pendapatan responden, semakin tinggi min bilangan anak yang pernah dilahirkan. Min bilangan anak bagi mereka yang berpendapatan RM5,000.00 dan ke atas ialah 2.7 orang anak dan min bilangan anak bagi responden yang berpendapatan di bawah RM1,000.00 hanya 1.2 orang anak. Sebaliknya, bagi responden di sektor swasta, mereka yang berpendapatan kurang dari RM1,000 mempunyai paling ramai anak.

**Jadual 4.4**  
**Min Bilangan Anak Yang Pernah Dilahirkan Mengikut Maklumat Demografi dan**  
**Sektor Pekerjaan**

| Maklumat demografi                      | Sektor Pekerjaan |            |             |
|---|------------------|------------|-------------|
|   | Awam             | Swasta     | Keseluruhan |
| <b>Total</b>                            | <b>1.8</b>       | <b>1.9</b> | <b>1.9</b>  |
| <b>Umur Semasa (tahun)</b>              |                  |            |             |
| <25                                     | 0.7              | 0.7        | 0.7         |
| 25 - 29                                 | 1.0              | 1.0        | 1.0         |
| 30 – 34                                 | 1.7              | 1.7        | 1.7         |
| 35 - 39                                 | 2.7              | 2.4        | 2.6         |
| 40 - 44                                 | 3.0              | 2.8        | 2.9         |
| 45 - 49                                 | 3.1              | 2.8        | 3.0         |
| <b>Etnik</b>                            |                  |            |             |
| Melayu                                  | 1.9              | 2.0        | 1.9         |
| Cina                                    | 0.9              | 1.6        | 1.5         |
| India                                   | 1.3              | 1.7        | 1.6         |
| Bumiputera                              | 1.3              | 1.4        | 1.3         |
| Lain-Lain                               | 1.2              | 1.8        | 1.7         |
| <b>Tahap Pendidikan</b>                 |                  |            |             |
| Rendah                                  | -                | 3.1        | 3.1         |
| Menengah                                | 2.2              | 2.3        | 2.2         |
| Tingkatan 6/ Sijil/Diploma              | 1.7              | 1.8        | 1.7         |
| Tertiari                                | 1.8              | 1.6        | 1.7         |
| <b>Umur Perkahwinan Pertama (tahun)</b> |                  |            |             |
| <20                                     | 3.0              | 3.2        | 3.1         |
| 20 - 24                                 | 2.3              | 2.4        | 2.3         |
| 25 – 29                                 | 1.6              | 1.7        | 1.6         |
| 30 - 34                                 | 1.2              | 1.3        | 1.2         |
| 35 - 39                                 | 1.0              | 0.9        | 0.9         |
| 40+                                     | 0.8              | 0.3        | 0.6         |
| <b>Pendapatan</b>                       |                  |            |             |
| <RM1,000.00                             | 1.2              | 2.2        | 2.1         |
| RM1,000.00 – RM1,999.99                 | 1.5              | 1.8        | 1.6         |
| RM2,000.00 – RM2,999.99                 | 1.8              | 1.8        | 1.8         |



| <b>Maklumat demografi</b> | <b>Sektor Pekerjaan</b> |               |                    |
|---------------------------|-------------------------|---------------|--------------------|
|                           | <b>Awam</b>             | <b>Swasta</b> | <b>Keseluruhan</b> |
| RM3,000.00 – RM3,999.99   | 1.9                     | 1.9           | 1.9                |
| RM4,000.00 – RM4,999.99   | 2.2                     | 1.9           | 2.1                |
| RM5,000.00 dan ke atas    | 2.7                     | 2.1           | 2.4                |

## **BAB 5**

### **MASALAH KESUBURAN DAN AMALAN PERANCANG KELUARGA**

#### **5.1 PENDAHULUAN**

Bab ini membincangkan tentang masalah kesuburan dan amalan perancang keluarga dalam kalangan responden dan suami.

#### **5.2 MASALAH KESUBURAN**

Di peringkat global, dianggarkan satu dalam sepuluh pasangan menghadapi masalah kesuburan (East-West Centre, 2002). Secara umumnya, menurut WHO, pasangan akan diklasifikasikan sebagai menghadapi masalah kesuburan sekiranya isteri tidak hamil selepas setahun mencuba. Pasangan perlu menjalani ujian atau pemeriksaan untuk mengenal pasti punca masalah kesuburan yang dialami supaya rawatan dapat diberi. Bahagian ini akan menghuraikan perihal masalah kesuburan yang dihadapi oleh responden dan suami mereka.

Secara keseluruhannya, sebanyak 12.1 peratus responden melaporkan mereka sendiri mengalami masalah kesuburan, dan hanya 4.2 peratus mengatakan suami yang mengalami masalah kesuburan (Jadual 5.1). Hasil dapatan yang sama juga didapati di kedua-dua sektor dengan peratusan responden yang merasakan mereka menghadapi masalah kesuburan lebih tinggi berbanding peratusan suami yang menghadapi masalah kesuburan.

Pada keseluruhannya, didapati 65.3 peratus responden menghadapi masalah ketidakseimbangan hormon dan 48.6 peratus daripada suami mengalami masalah sperma. Penemuan yang menunjukkan masalah ketidakseimbangan hormon dan masalah sperma didapati bagi kedua-dua sektor.

Jadual 5.2 pula menunjukkan peratusan responden dan suami yang pernah mendapatkan rawatan berkaitan masalah kesuburan. Secara keseluruhannya, sebanyak 13.8 peratus responden dan 8.8 peratus suami pernah mendapatkan rawatan kesuburan.

**Jadual 5.1**  
**Responden dan Suami Mengikut Masalah Kesuburan Dan Sektor Pekerjaan**

|                                    | Sektor     |            | Keseluruhan |
|------------------------------------|------------|------------|-------------|
|                                    | Awam       | Swasta     |             |
| <b>Mempunyai Masalah Kesuburan</b> |            |            |             |
| Responden                          | 264 (12.1) | 140 (11.7) | 404 (12.1)  |
| Pasangan                           | 90 (4.2)   | 50 (4.2)   | 140 (4.2)   |
| <b>Jenis Masalah Kesuburan</b>     |            |            |             |
| <b>Responden</b>                   |            |            |             |
| Putus haid                         | 3.0        | 10.0       | 5.4         |
| Alahan sperma                      | 0.8        | 0.7        | 0.7         |
| Masalah kegagalan ovari pra-matang | 11.0       | 6.4        | 9.4         |
| Ketidakseimbangan hormon           | 67.0       | 62.1       | 65.3        |
| Jangkitan penyakit kelamin         | 2.3        | 4.3        | 3.0         |
| Lain-lain                          | 29.9       | 25.0       | 28.2        |
| <b>Suami</b>                       |            |            |             |
| Andropaus                          | 3.3        | 2.0        | 2.9         |
| Masalah ereksi                     | 17.8       | 22.0       | 19.3        |
| Masalah sperma                     | 46.7       | 52.0       | 48.6        |
| Masalah hormon                     | 14.4       | 12.0       | 13.6        |
| Masalah berkaitan buah zakar       | 5.6        | 4.0        | 5.0         |
| Jangkitan penyakit kelamin         | 5.6        | 4.0        | 5.0         |
| Lain-lain                          | 20.0       | 8.0        | 15.7        |

**Jadual 5.2**  
**Responden Dan Suami Yang Pernah Mendapatkan Sebarang Rawatan Berkaitan Masalah Kesuburan Di Hospital/Klinik**

|               | Sektor                         |                                |                                |                                | Keseluruhan                    |                                |
|---------------|--------------------------------|--------------------------------|--------------------------------|--------------------------------|--------------------------------|--------------------------------|
|               | Awam                           |                                | Swasta                         |                                | Responden                      | Suami                          |
|               | Responden                      | Suami                          | Responden                      | Suami                          |                                |                                |
| Pernah        | 310<br>(14.4)                  | 202<br>(9.5)                   | 154<br>(12.8)                  | 90<br>(7.5)                    | 464<br>(13.8)                  | 292<br>(8.8)                   |
| Tidak         | 1,845<br>(85.6)                | 1,926<br>(90.5)                | 1,048<br>(87.2)                | 1,107<br>(92.5)                | 2,893<br>(86.2)                | 3,033<br>(91.2)                |
| <b>Jumlah</b> | <b>2,155</b><br><b>(100.0)</b> | <b>2,128</b><br><b>(100.0)</b> | <b>1,202</b><br><b>(100.0)</b> | <b>1,197</b><br><b>(100.0)</b> | <b>3,393</b><br><b>(100.0)</b> | <b>3,325</b><br><b>(100.0)</b> |

### **5.3 AMALAN PERANCANG KELUARGA**

Perancang keluarga membolehkan seseorang individu dan pasangan merancang masa yang sesuai untuk hamil dengan menggunakan kaedah bagi menjarakkan kehamilan serta merancang saiz sesebuah keluarga yang diinginkan. Selain boleh mengurangkan morbiditi dan mortaliti ibu dan anak, amalan ini dapat meningkatkan kualiti kehidupan di samping membolehkan sesebuah keluarga menikmati kehidupan yang selesa. Menurut laporan United Nation (2011), sebanyak 60 peratus wanita di Malaysia yang mati semasa melahirkan bayi tidak mengamalkan perancang keluarga dalam tempoh antara tahun 1997 sehingga 2007.

#### **5.3.1 Pernah Menggunakan Perancang Keluarga**

Kajian mendapati hampir 65.0 peratus daripada responden pernah menggunakan perancang keluarga untuk mencegah kehamilan (Jadual 5.3). Peratusan yang pernah menggunakan kaedah perancang keluarga adalah lebih tinggi di kalangan responden daripada sektor awam (67.6 peratus) berbanding dengan mereka daripada sektor swasta (6.4 peratus).

Secara keseluruhannya, bagi responden yang pernah menggunakan perancang keluarga, kaedah yang paling popular ialah kondom (42.1%), pil (36.1%) dan kaedah waktu selamat (29.8%). Responden di kedua-dua sektor memilih kaedah kondom, pil dan kaedah waktu selamat sebagai pilihan utama.

**Jadual 5.3**  
**Responden Yang Pernah Menggunakan Sebarang Kaedah Perancang Keluarga**  
**Mengikut Kaedah Dan Sektor Pekerjaan**

|  | Sektor       |            | Keseluruhan  |
|--|--------------|------------|--------------|
|  | Awam         | Swasta     |              |
| <b>Status Penggunaan Kaedah Perancang Keluarga</b> |              |            |              |
| Pernah   | 1,465 (67.6) | 729 (60.4) | 2,194 (64.7) |
| Tidak Pernah                                       | 701 (32.4)   | 478 (39.6) | 1,179 (34.3) |
| <b>Kaedah Perancang Keluarga</b>                   |              |            |              |
| Pil  | 554 (37.9)   | 235 (32.4) | 789 (36.1)   |
| Kondom   | 600 (41.0)   | 321 (44.3) | 921 (42.1)   |
| Kondom wanita                                      | 3 (0.2)      | 4 (0.6)    | 7 (0.3)      |
| Pemandulan (wanita)                                | 29 (2.0)     | 20 (2.8)   | 49 (2.2)     |
| Pemandulan (lelaki)                                | 5 (0.3)      | 3 (0.4)    | 8 (0.4)      |
| Alat Dalam Rahim                                   | 157 (10.7)   | 113 (15.6) | 270 (12.3)   |
| Suntikan   | 178 (12.2)   | 70 (9.7)   | 248 (11.3)   |
| Implan   | 58 (4.0)     | 22 (3.0)   | 80 (3.7)     |
| Pil Berbuih  | 15 (1.0)     | 0 (0.0)    | 15 (0.7)     |
| Pil Kontraseptif Kecemasan                         | 65 (4.4)     | 18 (2.5)   | 83 (3.8)     |
| Kaedah Waktu Selamat                               | 456 (31.2)   | 197 (27.2) | 653 (29.8)   |
| Azal   | 389 (26.6)   | 137 (18.9) | 526 (24.0)   |
| Menyusu badan                                      | 368 (25.2)   | 135 (18.6) | 503 (23.0)   |
| Elak Persetubuhan                                  | 109 (7.5)    | 45 (6.2)   | 154 (7.0)    |
| Kaedah Tradisional                                 | 88 (6.0)     | 26 (3.6)   | 114.2)       |

### 5.3.2 Sumber Mendapatkan Kaedah Perancang Keluarga atau Kontraseptif

Responden mendapatkan bekalan kaedah perancang keluarga dari berbagai-bagai sumber dan pilihan utama ialah Hospital/Klinik Swasta (24.4%), farmasi (24.4%) dan klinik Kementerian Kesihatan (20.3%), dan peratusan ini menggambarkan corak sumber bagi mereka yang bekerja di sektor awam. Bagaimanapun, responden yang bekerja di sektor swasta pula kebanyakan mendapatkan sumber perancang keluarga dari Hospital atau Klinik Swasta dan farmasi (Jadual 5.4).

**Jadual 5.4**  
**Responden Yang Pernah Menggunakan Perancang Keluarga Mengikut Sumber Mendapatkan Perancang Keluarga**

| Sumber Mendapatkan Perancang Keluarga | Sektor             |                    | Keseluruhan          |
|---------------------------------------|--------------------|--------------------|----------------------|
|                                       | Awam               | Swasta             |                      |
| LPPKN                                 | 72 (7.6)           | 20 (4.4)           | 92 (6.6)             |
| FRHAM                                 | 6 (0.6)            | 3 (0.7)            | 9 (0.6)              |
| Hospital/Klinik Kementerian Kesihatan | 216 (22.9)         | 68 (15.0)          | 284 (20.3)           |
| Hospital/Klinik Swasta                | 207 (21.9)         | 134 (29.6)         | 341 (24.4)           |
| Sinse                                 | 4 (0.4)            | 2 (0.4)            | 6 (0.4)              |
| Farmasi                               | 213 (22.6)         | 128 (28.3)         | 341 (24.4)           |
| Saudara/Kawan                         | 109 (11.5)         | 36 (8.0)           | 145 (10.4)           |
| Lain-lain                             | 117 (12.4)         | 61 (13.5)          | 178 (12.8)           |
| <b>Jumlah</b>                         | <b>944 (100.0)</b> | <b>452 (100.0)</b> | <b>1,396 (100.0)</b> |

### 5.3.3 Berhenti Menggunakan Perancang Keluarga

Daripada keseluruhan 2,194 orang responden yang pernah menggunakan perancang keluarga, sebanyak 19.9 peratus telah berhenti menggunakan perancang keluarga. Keinginan untuk hamil (51.3%) dan takut pada kesan sampingan (33.6%) adalah antara sebab utama mengapa mereka berhenti menggunakan perancang keluarga. Sebab utama ini juga didapati sama bagi kedua-dua sektor (Jadual 5.5).

**Jadual 5.5**  
**Responden Yang Telah Berhenti Menggunakan Perancang Keluarga Mengikut Sebab-Sebab Berhenti dan Sektor Pekerjaan**

| Sebab-Sebab Berhenti       | Sektor     |           | Keseluruhan |
|----------------------------|------------|-----------|-------------|
|                            | Awam       | Swasta    |             |
| Ingin Hamil                | 167 (55.3) | 74 (44.1) | 241 (51.3)  |
| Takut Pada Kesan Sampingan | 105 (34.8) | 53 (31.6) | 158 (33.6)  |
| Tidak Selesa               | 35 (11.59) | 24 (14.3) | 59 (12.6)   |
| Suami Tidak Benarkan       | 22 (7.3)   | 14 (8.3)  | 36 (7.7)    |
| Nasihat Ahli Perubatan     | 10 (3.3)   | 8 (4.8)   | 18 (3.8)    |
| Kegagalan Kaedah           | 5 (1.7)    | 1 (0.6)   | 6 (1.3)     |
| Lain-Lain                  | 26 (8.6)   | 24 (14.3) | 50 (10.6)   |

### 5.3.4 Tidak Pernah Menggunakan Perancang Keluarga

Bagi mereka yang tidak pernah menggunakan sebarang perancang keluarga, lebih daripada separuh menyatakan antara sebab mengapa mereka tidak pernah guna perancang keluarga adalah kerana ingin hamil (59.0%), diikuti dengan takut pada kesan sampingan (39.4%) dan suami tidak mengizinkan mereka menggunakan kaedah perancang keluarga (13.7%). Sebab-sebab tersebut adalah lebih kurang sama bagi responden dari kedua dua sektor (Jadual 5.6).

**Jadual 5.6**  
**Sebab-Sebab Tidak Pernah Menggunakan Kaedah Perancang Keluarga Mengikut Sektor Pekerjaan**

| Sebab-Sebab Tidak Pernah   | Sektor             |                    | Keseluruhan          |
|----------------------------|--------------------|--------------------|----------------------|
|                            | Awam               | Swasta             |                      |
| Ingin Hamil                | 447 (63.8)         | 249 (52.1)         | 696 (59.0)           |
| Takut Pada Kesan Sampingan | 276 (39.4)         | 189 (39.5)         | 465 (39.4)           |
| Suami Tidak Benarkan       | 99 (14.1)          | 62 (13.0)          | 161 (13.7)           |
| Nasihat Ahli Perubatan     | 18 (2.6)           | 10 (2.1)           | 28 (2.4)             |
| Lain-Lain                  | 44 (6.3)           | 33 (6.9)           | 77 (6.5)             |
| <b>Jumlah</b>              | <b>884 (100.0)</b> | <b>543 (100.0)</b> | <b>1,427 (100.0)</b> |

### 5.3.5 Sedang Menggunakan Perancang Keluarga

Jadual 5.7 menunjukkan sebanyak 56.6 peratus daripada responden sedang menggunakan perancang keluarga semasa kajian dijalankan. Peratusan ini berbeza antara responden daripada sektor awam (60.1%) dan sektor swasta (50.6%). Secara keseluruhannya, kaedah perancang keluarga yang menjadi pilihan utama responden yang sedang menggunakan perancang keluarga ialah kondom (20.7%), kaedah waktu selamat (20.1%) dan azal (15.8%). Antara kaedah yang paling kurang menjadi pilihan pula adalah kondom wanita (0.1%), pemandulan lelaki (0.1%) dan pil berbuih (0.5%).

Antara kaedah yang paling banyak digunakan dalam kalangan responden yang sedang menggunakan perancang keluarga di sektor awam ialah kaedah waktu selamat (21.0%), kondom (19.5%) dan azal (17.4%). Ini berbeza dengan kaedah yang sedang digunakan oleh responden dalam sektor swasta di mana antara kaedah utama perancang keluarga yang sedang digunakan ialah kondom (22.9%), kaedah waktu selamat (18.3%) dan pil (13.9%).

**Jadual 5.7**  
**Responden Yang Sedang Menggunakan Sebarang Kaedah Perancang Keluarga**  
**Mengikut Kaedah dan Sektor Pekerjaan**

|                                  | Sektor            |                   | Keseluruhan         |
|----------------------------------|-------------------|-------------------|---------------------|
|                                  | Awam              | Swasta            |                     |
| <b>Total</b>                     | <b>984 (60.1)</b> | <b>486 (50.6)</b> | <b>1,470 (56.6)</b> |
| <b>Kaedah Perancang Keluarga</b> |                   |                   |                     |
| Pil                              | 188 (14.7)        | 89 (13.9)         | 277 (14.4)          |
| Kondom                           | 255 (19.5)        | 153 (22.9)        | 408 (20.7)          |
| Kondom wanita                    | 1 (0.1)           | 1 (0.2)           | 2 (0.1)             |
| Pemandulan (wanita)              | 44 (3.5)          | 26 (4.1)          | 70 (3.7)            |
| Pemandulan (lelaki)              | 2 (0.2)           | 0 (0.0)           | 2 (0.1)             |
| Alat Dalam Rahim                 | 75 (6.0)          | 52 (8.2)          | 127 (6.7)           |
| Suntikan                         | 50 (3.9)          | 18 (2.7)          | 68 (3.5)            |
| Implan                           | 33 (2.6)          | 12 (1.9)          | 45 (2.4)            |
| Pil Berbuih                      | 9 (0.6)           | 1 (0.2)           | 10 (0.5)            |
| Pil Kontraseptif Kecemasan       | 39 (3.0)          | 12 (1.9)          | 51 (2.6)            |
| Kaedah Waktu Selamat             | 275 (21.0)        | 121 (18.3)        | 396 (20.1)          |
| Azal                             | 224 (17.4)        | 83 (12.8)         | 307 (15.8)          |
| Menyusu badan                    | 140 (11.0)        | 46 (7.3)          | 186 (9.7)           |
| Elak Persetubuhan                | 60 (4.5)          | 23 (3.3)          | 83 (4.1)            |
| Kaedah Tradisional               | 58 (4.5)          | 18 (2.5)          | 76 (3.8)            |

Jadual 5.8 menunjukkan peratus responden yang sedang menggunakan perancang keluarga mengikut kumpulan sosio-demografi. Didapati, peratusan responden yang sedang menggunakan kaedah perancang keluarga paling tinggi adalah terdiri daripada responden yang berumur antara 30 hingga 34 tahun (58.7%), etnik Melayu (58.0%), tahap pendidikan di peringkat tertiar (58.9%) dan mempunyai pendapatan RM5,000 dan ke atas sebulan (64.7%). Manakala responden yang mempunyai tahap pendidikan rendah mencatatkan peratusan yang paling rendah iaitu hanya 9.7 peratus.



**Jadual 5.8**  
**Responden Yang Sedang Menggunakan Sebarang Kaedah Perancang**  
**Keluarga Termasuk Kaedah Tradisional Mengikut Ciri-Ciri Sosio-**  
**Demografi Dan Sektor Pekerjaan**

|                           | Kod Agensi |            | Keseluruhan  |
|---------------------------|------------|------------|--------------|
|                           | Awam       | Swasta     |              |
| <b>Umur (tahun)</b>       |            |            |              |
| Bawah 25                  | 37 (58.7)  | 13 (43.3)  | 50 (53.8)    |
| 25-29                     | 206 (58.7) | 79 (51.0)  | 285 (56.3)   |
| 30-34                     | 373 (61.7) | 143 (52.2) | 516 (58.7)   |
| 35-39                     | 203 (62.8) | 125 (52.3) | 328 (58.4)   |
| 40-44                     | 92 (63.9)  | 79 (52.3)  | 171 (58.0)   |
| 45-49                     | 73 (50.7)  | 47 (46.1)  | 120 (48.8)   |
| <b>Etnik</b>              |            |            |              |
| Melayu                    | 922 (60.5) | 346 (52.4) | 1,268 (58.0) |
| Cina                      | 11 (57.9)  | 80 (57.1)  | 91 (57.2)    |
| India                     | 28 (52.8)  | 38 (33.6)  | 66 (39.8)    |
| Bumiputera lain           | 19 (57.6)  | 14 (51.9)  | 33 (55.0)    |
| Lain-lain                 | 4 (100.0)  | 8 (47.1)   | 12 (57.1)    |
| <b>Tahap Pendidikan</b>   |            |            |              |
| Rendah                    | 1 (33.3)   | 2 (7.1)    | 3 (9.7)      |
| Menengah                  | 276 (58.7) | 141 (51.3) | 417 (56.0)   |
| Tingkatan 6/Sijil/Diploma | 361 (58.5) | 182 (51.6) | 543 (56.0)   |
| Tertiari                  | 346 (63.4) | 155 (50.8) | 501 (58.9)   |
| <b>Pendapatan</b>         |            |            |              |
| Kurang dari RM1,000       | 3 (75.0)   | 25 (56.8)  | 30 (62.5)    |
| RM1,000-RM1,999           | 338 (61.8) | 142 (56.8) | 480 (60.0)   |
| RM2,000-RM2,999           | 274 (56.5) | 121 (50.8) | 395 (54.6)   |
| RM3,000-RM3,999           | 182 (59.9) | 92 (53.5)  | 274 (57.6)   |
| RM4,000-RM4,999           | 83 (62.4)  | 41 (46.6)  | 124 (56.1)   |
| RM5,000 dan ke atas       | 102 (71.3) | 65 (56.5)  | 167 (64.7)   |

## BAB 6 PENJAGAAN ANAK

### 6.1 PENDAHULUAN

Proses industrialisasi dan urbanisasi telah menimbulkan kesan yang penting ke atas status dan peranan kaum wanita. Akibat daripada kedua-dua proses itu, lebih ramai wanita mula bekerja di luar rumah setelah tamat persekolahan. Wanita yang bekerja memainkan tiga peranan serentak iaitu sebagai pekerja, isteri dan ibu. Keadaan ini memerlukan wanita tersebut mengimbangi tanggungjawab mereka antara kerjaya dan keluarga. Sehubungan dengan itu, bab ini akan menghurai tentang masalah penjagaan anak dalam kalangan wanita bekerja. Antara perkara yang akan dibincangkan adalah seperti aturan penjagaan anak, bayaran penjagaan anak dan bentuk sokongan yang diperlukan dalam hal penjagaan anak.

### 6.2 RESPONDEN YANG MEMPUNYAI ANAK KECIL BERUMUR 6 TAHUN DAN KE BAWAH

Daripada 3,393 orang responden yang ditemu bual, didapati sejumlah 63.4 peratus daripada responden mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak yang berumur 6 tahun dan ke bawah. Selebihnya, 18.8 peratus mempunyai anak tetapi tiada anak yang berumur 6 tahun dan ke bawah dan 17.8 peratus responden tidak mempunyai anak langsung (Jadual 6.1).

**Jadual 6.1**  
**Responden Yang Mempunyai Anak Berumur 6 Tahun dan Ke Bawah**

|  | Sektor Pekerjaan     |                      | Keseluruhan          |
|--|----------------------|----------------------|----------------------|
|  | Awam                 | Swasta               |                      |
| Mempunyai anak berumur 6 tahun dan ke bawah        | 1,446 (66.5)         | 704 (57.7)           | 2,150 (63.4)         |
| Tiada anak dalam kumpulan umur 6 tahun dan kebawah | 328 (15.1)           | 311 (25.5)           | 639 (18.8)           |
| Tiada anak langsung                                | 399 (18.4)           | 205 (16.8)           | 604 (17.8)           |
| <b>Jumlah</b>                                      | <b>2,173 (100.0)</b> | <b>1,220 (100.0)</b> | <b>3,393 (100.0)</b> |

### 6.3 PENJAGAAN ANAK

Lazimnya, ibu yang bekerjaya perlu meninggalkan anak-anak semasa keluar bekerja. Aturan penjagaan anak merupakan satu perkara yang sangat dititikberatkan oleh kebanyakan ibu yang bekerja. Analisis seterusnya adalah berkaitan aturan penjagaan anak bagi mereka yang mempunyai anak kecil berumur 6 tahun dan ke bawah.

Pada keseluruhannya, 30.3 peratus memilih pengasuh untuk menjaga anak, diikuti oleh taman asuhan kanak-kanak (TASKA/TASKI) (24.2%) dan ibu bapa/mentua (22.3%). Didapati ketiga-tiga jenis aturan tersebut menjadi pilihan bagi responden dari kedua-dua sektor, awam dan swasta (Jadual 6.2). Selain itu, aturan penjagaan anak yang turut menjadi pilihan responden ialah taman asuhan kanak-kanak di tempat kerja, pembantu rumah dan saudara mara lain.

Kajian ini juga turut mendapatkan maklumat bayaran penjagaan bagi seorang anak yang perlu dibelanjakan oleh responden yang bekerja. Secara keseluruhannya, min bayaran penjagaan anak yang ditanggung oleh responden adalah sebanyak RM272.92 sebulan bagi seorang anak (Jadual 6.2). Purata bayaran penjagaan bagi seorang anak yang dibelanjakan oleh responden di sektor awam adalah sebanyak RM259.50 sebulan manakala purata bayaran penjagaan anak yang dibelanjakan oleh pekerja sektor swasta ialah sebanyak RM300.56 sebulan.

**Jadual 6.2**

**Aturan Penjagaan Anak Berumur Enam Tahun Dan Ke Bawah Mengikut Sektor Pekerjaan**

|  | Sektor Pekerjaan |            | Keseluruhan |
|--|------------------|------------|-------------|
|  | Awam             | Swasta     |             |
| <b>Aturan Penjagaan</b>                            |                  |            |             |
| Responden  | 3 (0.2)          | 7 (0.9)    | 10 (0.5)    |
| Suami  | 17 (1.2)         | 9 (1.1)    | 26 (1.2)    |
| Ibu bapa / Mentua                                  | 298 (21.9)       | 181 (23.1) | 479 (22.3)  |
| Anak yang lebih tua                                | 1 (0.1)          | 3 (0.4)    | 4 (0.2)     |
| Saudara mara lain                                  | 85 (6.2)         | 51 (6.5)   | 136 (6.3)   |
| Pembantu rumah                                     | 98 (7.2)         | 50 (6.4)   | 148 (6.9)   |
| Taman asuhan kanak-kanak (TASKA/TASKI)             | 336 (24.7)       | 183 (23.3) | 519 (24.2)  |
| Taman asuhan kanak-kanak komuniti (TASKA KOMUNITI) | 24 (1.8)         | 9 (1.1)    | 33 (1.5)    |

|  |            |            |            |
|--|------------|------------|------------|
| Taman asuhan kanak-kanak di tempat kerja     | 95 (7.0)   | 59 (7.5)   | 154 (7.2)  |
| Jiran  | 69 (5.1)   | 44 (5.6)   | 113 (5.3)  |
| Kawan  | 8 (0.6)    | 3 (0.4)    | 11 (0.5)   |
| Pengasuh                                     | 404 (29.7) | 247 (31.5) | 651 (30.3) |
| Tiada siapa / Anak tinggal bersendirian      | 1 (0.1)    | 0 (0.0)    | 1 (0.0)    |
| Lain-lain                                    | 10 (0.7)   | 3 (0.4)    | 13 (0.6)   |
| <br>   |            |            |            |
| Min Bayaran Penjagaan Bagi Seorang Anak (RM) | 259.50     | 300.56     | 272.92     |

#### 6.4 TANGGUNGJAWAB SEBAGAI IBU BEKERJA

Dalam memainkan peranan sebagai seorang ibu dan pekerja, wanita sering menghadapi pelbagai kebimbangan. Justeru itu, analisis dalam sub topik ini akan melihat apakah perkara utama yang membimbangkan responden sebagai seorang wanita yang bekerja. Analisis dalam subtopik ini dihadkan kepada responden yang mempunyai anak sahaja.

Merujuk kepada Jadual 6.3, secara keseluruhannya, 32.8 peratus daripada responden menyebutkan memenuhi permintaan kerjaya dan keluarga sebagai perkara yang paling membimbangkan. Ini diikuti dengan kebimbangan untuk mencari masa yang berkualiti untuk bersama anak-anak (24.2%) dan perkembangan anak-anak (19.3%).

Responden yang bekerja di sektor awam menyatakan bahawa perkara utama yang membimbangkan mereka adalah untuk memenuhi permintaan antara kerjaya dan keluarga (32.6%), mencari masa yang berkualiti untuk bersama anak-anak (23.8%) dan perkembangan anak-anak (18.9%). Begitu juga responden yang bekerja di sektor swasta di mana mereka menyatakan bahawa memenuhi permintaan kerjaya dan keluarga (33.0%), mencari masa yang berkualiti untuk bersama anak-anak (25.0%) dan perkembangan anak-anak (20.1%) merupakan perkara utama yang membimbangkan mereka.

**Jadual 6.3**  
**Perkara Utama Yang Membimbangkan Responden Sebagai Seorang Ibu Bekerja Mengikut Sektor Pekerjaan**

| Perkara Utama Yang Membimbangkan                     | Sektor Pekerjaan          |                         | Jumlah                   |
|--|---------------------------|-------------------------|--------------------------|
|  | Awam                      | Swasta                  |                          |
| Memenuhi permintaan kerjaya dan keluarga             | 469 (32.6)                | 230 (33.0)              | 699 (32.8)               |
| Mencari masa yang berkualiti untuk bersama anak-anak | 342 (23.8)                | 174 (25.0)              | 516 (24.2)               |
| Meninggalkan anak-anak dengan pengasuh / penjaga     | 258 (18.0)                | 110 (15.8)              | 368 (17.2)               |
| Meninggalkan anak-anak bersendirian di rumah         | 58 (4.0)                  | 14 (2.0)                | 72 (3.4)                 |
| Perkembangan anak-anak                               | 272 (18.9)                | 140 (20.1)              | 412 (19.3)               |
| Masa untuk bersama suami                             | 16 (1.1)                  | 9 (1.3)                 | 25 (1.2)                 |
| Tidak dapat meluangkan masa untuk diri sendiri       | 22 (1.5)                  | 20 (2.9)                | 42 (2.0)                 |
| <b>Jumlah</b>  | <b>1,437<br/>( 100.0)</b> | <b>697<br/>( 100.0)</b> | <b>2,134<br/>(100.0)</b> |

## 6.5 SOKONGAN UNTUK PENJAGAAN ANAK

Kajian ini juga ingin mengetahui bentuk sokongan yang diperlukan oleh responden untuk penjagaan anak. Maklumat berkaitan bentuk sokongan ini diambil daripada semua responden tidak kira sama ada responden tersebut mempunyai anak ataupun tidak mempunyai anak.

Daripada Jadual 6.4, didapati bahawa bentuk sokongan yang paling diperlukan oleh responden ialah kemudahan pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja dengan 65.0 peratus diikuti dengan kemudahan bercuti untuk menjaga anak sakit (64.8%), penyediaan bantuan sekolah (basiswa/pinjaman) (59.2%), subsidi kos penjagaan anak (56.5%) dan kemudahan cuti bergaji penuh untuk anak yang memerlukan penjagaan khas (49.0%). Terdapat persamaan daripada segi bentuk sokongan yang diperlukan oleh responden di sektor awam dan swasta di mana tiga bentuk sokongan yang paling diperlukan oleh pekerja di kedua-dua sektor ialah kemudahan bercuti untuk menjaga anak sakit, pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja dan penyediaan bantuan sekolah (basiswa/pinjaman).

**Jadual 6.4**  
**Bentuk Sokongan Yang Diperlukan Untuk Penjagaan Anak Mengikut Sektor Pekerjaan**

| Bentuk Sokongan  | Sektor Pekerjaan |            | Jumlah       |
|--|------------------|------------|--------------|
|  | Awam             | Swasta     |              |
| Pusat Jagaan Kanak-Kanak Di Tempat Kerja   | 1,517 (69.8)     | 688 (56.4) | 2,205 (65.0) |
| Kemudahan Bercuti Untuk Menjaga Anak Sakit   | 1,519 (69.9)     | 678 (55.6) | 2,197 (64.8) |
| Penyediaan Bantuan Sekolah (Basiswa/Pinjaman)  | 1,312 (60.4)     | 697 (57.2) | 2,009 (59.2) |
| Subsidi Kos Penjagaan Anak   | 1,309 (60.2)     | 608 (49.9) | 1,917 (56.5) |
| Kemudahan Cuti Bergaji Penuh Untuk Anak Yang Memerlukan Penjagaan Khas                             | 1,223 (56.3)     | 440 (36.1) | 1,663 (49.0) |
| Waktu Kerja Anjal  | 971 (44.7)       | 600 (49.2) | 1,571 (46.3) |
| Kemudahan Bercuti Tanpa Gaji Untuk Beberapa Tahun Bagi Membesarkan Anak Tanpa Hilang Hak Kekananan | 1,137 (52.3)     | 373 (30.6) | 1,510 (44.5) |
| Bekerja Hanya Lima Hari Dalam Seminggu   | 877 (40.4)       | 566 (46.4) | 1,443 (42.5) |
| Tempat Untuk Ibu Memerah dan Menyimpan Susu Di Tempat Kerja  | 993 (45.7)       | 375 (30.8) | 1,368 (40.3) |
| Bekerja Dari Rumah   | 811 (37.3)       | 393 (32.3) | 1,204 (35.5) |

## **BAB 7**

### **KEINGINAN MELAHIRKAN ANAK**

#### **7.1 PENDAHULUAN**

Setiap wanita mempunyai keinginan memiliki anak yang berbeza-beza. Keinginan tersebut mungkin dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti umur, tahap kesihatan, ekonomi keluarga dan faktor persekitaran. Perbincangan dalam bab ini akan menumpukan kepada keinginan seseorang wanita untuk mempunyai anak/anak lagi, faktor yang mempengaruhi seseorang untuk melahirkan anak/anak lagi serta kesan jika melahirkan anak/anak lagi.

#### **7.2 KEINGINAN UNTUK MEMPUNYAI ANAK/ANAK LAGI**

Dalam kajian ini, soalan berkaitan keinginan untuk mempunyai anak/anak lagi diajukan kepada semua responden. Sekiranya wanita tersebut memberikan jawapan 'ya', mereka ditanya pula tentang tempoh mereka inginkan anak/anak lagi.

##### **7.2.1 Keinginan Melahirkan Anak Mengikut Ciri-ciri Sosio-demografi**

Keinginan untuk melahirkan anak/anak lagi di bab ini dikaji mengikut ciri-ciri sosio-demografi wanita tersebut seperti etnik, umur, pendapatan wanita dan bilangan kelahiran hidup. Secara keseluruhannya, 28.2 peratus responden tidak ingin anak/anak lagi, manakala 42.0 peratus inginkan anak sekarang, 15.7 peratus ingin melewati kehamilan, dan 14.1 peratus inginkan anak tetapi tidak pasti bila (Jadual 7.1).

Jadual 7.1 menunjukkan analisis keinginan mengikut sektor pekerjaan, etnik, umur dan pendapatan responden. 37.3 peratus responden sektor swasta tidak inginkan anak/anak lagi berbanding 23.2 peratus responden sektor awam. Perbandingan mengikut etnik menunjukkan responden Cina mempunyai peratusan tertinggi untuk tidak ingin anak/anak lagi iaitu 50.5 peratus, diikuti oleh etnik India 36.5 peratus dan etnik Melayu 26.1 peratus.

Dari segi umur, dapat disimpulkan bahawa peratusan wanita yang tidak ingin anak/anak lagi semakin meningkat apabila umur semakin bertambah. Bagi mereka yang berumur 45-49

tahun, peratus tidak inginkan anak/anak lagi adalah tinggi iaitu 83.3 peratus berbanding hanya 4.9 peratus bagi mereka yang berumur 25 tahun ke bawah. Bagi faktor pendapatan pula, peratus tidak ingin anak/anak lagi adalah paling tinggi (55.1%) dalam kalangan mereka yang berpendapatan RM5,000 dan ke atas dan paling rendah (16.5%) dalam kalangan mereka yang berpendapatan RM1,000-RM1,999.

Peratusan untuk tidak ingin anak/anak lagi didapati meningkat apabila bilangan kelahiran hidup meningkat. 52.4 peratus wanita yang mempunyai 3 orang anak tidak ingin anak lagi. Peratus ini meningkat kepada 75.3 peratus dalam kalangan mereka yang mempunyai 4 orang anak dan 77.6 peratus dalam kalangan mereka yang mempunyai 5 orang anak.

Jika dibandingkan mengikut sektor pekerjaan, trend yang sama dapat dilihat di mana semakin meningkat umur wanita dan semakin tinggi pendapatan wanita, keinginan untuk mempunyai anak semakin menurun. Hanya faktor bilangan kelahiran hidup yang menunjukkan sedikit perbezaan dalam kalangan responden kedua-dua sektor tersebut. Bagi responden di sektor swasta, 45.0 peratus daripada mereka yang mempunyai 2 orang anak menyatakan mereka tidak ingin anak lagi berbanding 18.0 peratus sahaja dalam kalangan mereka yang bekerja di sektor awam. Bagi responden yang bekerja di sektor awam, peratus untuk tidak ingin anak lagi melebihi 50 peratus bagi mereka yang telah mempunyai 4 orang anak (75.5%) dan 5 orang dan lebih (77.3%). Bagi wanita yang bekerja di sektor swasta, peratus untuk tidak ingin anak lagi adalah 62.6 peratus bagi mereka yang mempunyai 3 orang anak, 74.7 peratus bagi mereka yang mempunyai 4 orang anak dan 78.2 peratus bagi mereka yang mempunyai 5 orang anak.

**Jadual 7.1**  
**Keinginan Mengikut Bilangan Kelahiran Hidup Dan Ciri-Ciri Sosio-Demografi**

| Ciri Sosio-demografi | Bilangan kelahiran hidup |                     |                          |                                    | Keseluruhan   |
|----------------------|--------------------------|---------------------|--------------------------|------------------------------------|---------------|
|                      | Tidak ingin anak         | Ingin anak sekarang | Ingin melewati kehamilan | Ingin anak tetapi tidak pasti bila |               |
|                      | <b>28.2</b>              | <b>42.0</b>         | <b>15.7</b>              | <b>14.1</b>                        | <b>100.0</b>  |
| <b>Sektor</b>        |                          |                     |                          |                                    |               |
| • Awam               | 492 (23.2)               | 983 (46.4)          | 368 (17.4)               | 276 (13.0)                         | 2,119 (100.0) |
| • Swasta             | 437 (37.2)               | 401 (34.1)          | 148 (12.6)               | 190 (16.2)                         | 1,176 (100.0) |



| Ciri Sosio-demografi            | Bilangan kelahiran hidup |                     |                          |                                    | Keseluruhan   |
|---------------------------------|--------------------------|---------------------|--------------------------|------------------------------------|---------------|
|                                 | Tidak ingin anak         | Ingin anak sekarang | Ingin melewati kehamilan | Ingin anak tetapi tidak pasti bila |               |
| <b>Etnik</b>                    |                          |                     |                          |                                    |               |
| • Melayu                        | 718 (26.1)               | 1,178 (42.8)        | 468 (17.0)               | 386 (14.0)                         | 2,750 (100.0) |
| • Cina                          | 108 (50.5)               | 65 (30.4)           | 14 (6.5)                 | 27 (12.6)                          | 214 (100.0)   |
| • India                         | 74 (36.5)                | 74 (36.5)           | 20 (9.9)                 | 35 (17.2)                          | 203 (100.0)   |
| • Bumiputera                    | 14 (14.3)                | 57 (58.2)           | 12 (12.2)                | 15 (15.3)                          | 98 (100.0)    |
| • Lain-lain                     | 11 (50.0)                | 7 (31.8)            | 2 (9.1)                  | 2 (9.1)                            | 22 (100.0)    |
| <b>Umur</b>                     |                          |                     |                          |                                    |               |
| • < 25 tahun                    | 4 (4.9)                  | 40 (48.8)           | 23 (28.0)                | 15 (18.3)                          | 82 (100.0)    |
| • 25-29 tahun                   | 49 (5.5)                 | 486 (54.2)          | 256 (28.5)               | 106 (11.8)                         | 897 (100.0)   |
| • 30-34 tahun                   | 173 (15.5)               | 585 (52.4)          | 185 (16.6)               | 173 (15.5)                         | 1,116 (100.0) |
| • 35-39 tahun                   | 277 (44.2)               | 199 (31.8)          | 40 (6.4)                 | 110 (17.6)                         | 626 (100.0)   |
| • 40-44 tahun                   | 217 (71.1)               | 48 (15.7)           | 9 (3.0)                  | 31 (10.2)                          | 305 (100.0)   |
| • 45-49 tahun                   | 204 (83.3)               | 14 (5.7)            | 3 (1.2)                  | 24 (9.8)                           | 245 (100.0)   |
| <b>Pendapatan</b>               |                          |                     |                          |                                    |               |
| • <RM1,000                      | 20 (32.8)                | 18 (29.5)           | 13 (21.3)                | 10 (16.4)                          | 61 (100.0)    |
| • RM1,000 – RM1,999             | 177 (16.5)               | 469 (43.7)          | 241 (22.4)               | 187 (17.4)                         | 1,074 (100.0) |
| • RM2,000 – RM2,999             | 254 (27.2)               | 407 (43.5)          | 144 (15.4)               | 130 (13.9)                         | 935 (100.0)   |
| • RM3,000 – RM3,999             | 193 (32.0)               | 263 (43.6)          | 73 (12.1)                | 74 (12.3)                          | 603 (100.0)   |
| • RM4,000 – RM4,999             | 90 (36.3)                | 110 (44.4)          | 20 (8.1)                 | 28 (11.3)                          | 248 (100.0)   |
| • RM5,000 dan ke atas           | 161 (55.1)               | 91 (31.2)           | 16 (5.5)                 | 24 (8.2)                           | 292 (100.0)   |
| <b>Bilangan kelahiran hidup</b> |                          |                     |                          |                                    |               |
| • 0                             | 20 (3.5)                 | 432 (75.1)          | 52 (9.0)                 | 71 (12.3)                          | 575 (100.0)   |
| • 1                             | 57 (6.4)                 | 529 (59.3)          | 196 (22.0)               | 110 (12.3)                         | 892 (100.0)   |
| • 2                             | 237 (28.0)               | 288 (34.0)          | 179 (21.2)               | 142 (16.8)                         | 846 (100.0)   |
| • 3                             | 285 (52.4)               | 102 (18.8)          | 67 (12.3)                | 90 (16.5)                          | 544 (100.0)   |
| • 4                             | 219 (75.3)               | 24 (8.2)            | 15 (5.2)                 | 33 (11.3)                          | 291 (100.0)   |
| • 5 +                           | 111 (77.6)               | 7 (4.9)             | 6 (4.2)                  | 19 (13.3)                          | 143 (100.0)   |

Nota: Ingin anak sekarang – Ingin mempunyai anak dalam tempoh dua tahun dan ke bawah .

Ingin melewati kehamilan – Ingin mempunyai anak dalam tempoh tiga tahun dan ke atas

**Jadual 7.2**  
**Keinginan Mengikut Bilangan Kelahiran Hidup Dan Ciri-Ciri Sosio-Demografi Dalam**  
**Kalangan Pekerja Awam**

| Ciri Sosio-demografi            | Bilangan kelahiran hidup |                     |                          |                                    | Keseluruhan   |
|---------------------------------|--------------------------|---------------------|--------------------------|------------------------------------|---------------|
|                                 | Tidak ingin anak         | Ingin anak sekarang | Ingin melewati kehamilan | Ingin anak tetapi tidak pasti bila |               |
| <b>Etnik</b>                    |                          |                     |                          |                                    |               |
| • Melayu                        | 458 (23.5)               | 890 (45.6)          | 349 (17.9)               | 254 (13.0)                         | 1,951 (100.0) |
| • Cina                          | 10 (32.3)                | 14 (45.2)           | 1 (3.2)                  | 6 (19.4)                           | 31 (100.0)    |
| • India                         | 17 (23.9)                | 38 (53.5)           | 8 (11.3)                 | 8 (11.3)                           | 71 (100.0)    |
| • Bumiputera                    | 5 (8.6)                  | 36 (62.1)           | 9 (15.5)                 | 8 (13.8)                           | 58 (100.0)    |
| • Lain-lain                     | 2 (40.0)                 | 2 (40.0)            | 1 (20.0)                 | 0 (0.0)                            | 5 (100.0)     |
| <b>Umur</b>                     |                          |                     |                          |                                    |               |
| • < 25 tahun                    | 4 (8.0)                  | 25 (50.0)           | 14 (28.0)                | 7 (14.0)                           | 50 (100.0)    |
| • 25-29 tahun                   | 22 (3.5)                 | 355 (55.8)          | 193 (30.3)               | 66 (10.4)                          | 636 (100.0)   |
| • 30-34 tahun                   | 96 (12.4)                | 447 (57.6)          | 128 (16.5)               | 105 (13.5)                         | 776 (100.0)   |
| • 35-39 tahun                   | 142 (39.9)               | 116 (32.6)          | 27 (7.6)                 | 71 (19.9)                          | 356 (100.0)   |
| • 40-44 tahun                   | 107 (71.3)               | 26 (17.3)           | 5 (3.3)                  | 12 (8.0)                           | 150 (100.0)   |
| • 45-49 tahun                   | 119 (84.4)               | 8 (5.7)             | 1 (0.7)                  | 13 (9.2)                           | 141 (100.0)   |
| <b>Pendapatan</b>               |                          |                     |                          |                                    |               |
| • <RM1,000                      | 0 (0.0)                  | 3 (50.0)            | 3 (50.0)                 | 0 (0.0)                            | 6 (100.0)     |
| • RM1,000 – RM1,999             | 101 (13.2)               | 363 (47.5)          | 183 (23.9)               | 118 (15.4)                         | 765 (100.0)   |
| • RM2,000 – RM2,999             | 145 (23.2)               | 296 (47.4)          | 105 (16.8)               | 79 (12.6)                          | 625 (100.0)   |
| • RM3,000 – RM3,999             | 108 (27.8)               | 191 (49.1)          | 50 (12.9)                | 40 (10.3)                          | 389 (100.0)   |
| • RM4,000 – RM4,999             | 48 (32.0)                | 71 (47.3)           | 12 (8.0)                 | 19 (12.7)                          | 150 (100.0)   |
| • RM5,000 dan ke atas           | 84 (51.9)                | 50 (30.9)           | 11 (6.8)                 | 17 (10.5)                          | 162 (100.0)   |
| <b>Bilangan kelahiran hidup</b> |                          |                     |                          |                                    |               |
| • 0                             | 6 (1.6)                  | 309 (79.8)          | 33 (8.5)                 | 39 (10.2)                          | 387 (100.0)   |
| • 1                             | 21 (3.6)                 | 363 (62.6)          | 137 (23.6)               | 59 (10.2)                          | 580 (100.0)   |
| • 2                             | 96 (18.0)                | 216 (40.5)          | 130 (24.4)               | 91 (17.1)                          | 533 (100.0)   |
| • 3                             | 156 (46.2)               | 75 (22.2)           | 52 (15.4)                | 55 (16.3)                          | 338 (100.0)   |
| • 4                             | 145 (75.5)               | 16 (8.3)            | 12 (6.3)                 | 19 (9.9)                           | 192 (100.0)   |
| • 5+                            | 68 (77.3)                | 3 (3.4)             | 4 (4.5)                  | 13 (14.8)                          | 88 (100.0)    |

Nota: Ingin anak sekarang – Ingin mempunyai anak dalam tempoh dua tahun dan ke bawah .  
 Ingin melewati kehamilan – Ingin mempunyai anak dalam tempoh tiga tahun dan ke atas

**Jadual 7.3**  
**Keinginan Mengikut Bilangan Kelahiran Hidup Dan Ciri-Ciri Sosio-Demografi Dalam**  
**Kalangan Pekerja Swasta**

| Ciri Sosio-demografi            | Bilangan kelahiran hidup |                     |                          |                                    | Keseluruhan |
|---------------------------------|--------------------------|---------------------|--------------------------|------------------------------------|-------------|
|                                 | Tidak ingin anak         | Ingin anak sekarang | Ingin melewati kehamilan | Ingin anak tetapi tidak pasti bila |             |
| <b>Etnik</b>                    |                          |                     |                          |                                    |             |
| • Melayu                        | 260 (32.5)               | 288 (36.0)          | 119 (14.9)               | 132 (16.5)                         | 799 (100.0) |
| • Cina                          | 98 (53.6)                | 51 (27.9)           | 13 (7.1)                 | 21 (11.5)                          | 183 (100.0) |
| • India                         | 57 (43.2)                | 36 (27.3)           | 12 (9.1)                 | 27 (20.5)                          | 132 (100.0) |
| • Bumiputera                    | 9 (22.5)                 | 21 (52.5)           | 3 (7.5)                  | 7 (17.5)                           | 40 (100.0)  |
| • Lain-lain                     | 9 (52.9)                 | 5 (29.4)            | 1 (5.9)                  | 2 (11.8)                           | 17 (100.0)  |
| <b>Umur</b>                     |                          |                     |                          |                                    |             |
| • < 25 tahun                    | 0 (0.0)                  | 15 (46.9)           | 9 (28.1)                 | 8 (25.0)                           | 32 (100.0)  |
| • 25-29 tahun                   | 27 (10.3)                | 131 (50.2)          | 63 (24.1)                | 40 (15.3)                          | 261 (100.0) |
| • 30-34 tahun                   | 77 (22.6)                | 138 (40.6)          | 57 (16.8)                | 68 (20.0)                          | 340 (100.0) |
| • 35-39 tahun                   | 135 (50.0)               | 83 (30.7)           | 13 (4.8)                 | 39 (14.4)                          | 270 (100.0) |
| • 40-44 tahun                   | 110 (71.0)               | 22 (14.2)           | 4 (2.6)                  | 19 (12.3)                          | 155 (100.0) |
| • 45-49 tahun                   | 85 (81.7)                | 6 (5.8)             | 2 (1.9)                  | 11 (10.6)                          | 104 (100.0) |
| <b>Pendapatan</b>               |                          |                     |                          |                                    |             |
| • <RM1,000                      | 20 (36.4)                | 15 (27.3)           | 10 (18.2)                | 10 (18.2)                          | 55 (100.0)  |
| • RM1,000 – RM1,999             | 76 (24.6)                | 106 (34.3)          | 58 (18.8)                | 69 (22.3)                          | 309 (100.0) |
| • RM2,000 – RM2,999             | 109 (35.2)               | 111 (35.8)          | 39 (12.6)                | 51 (16.5)                          | 310 (100.0) |
| • RM3,000 – RM3,999             | 85 (39.7)                | 72 (33.6)           | 23 (10.7)                | 34 (15.9)                          | 214 (100.0) |
| • RM4,000 – RM4,999             | 42 (42.9)                | 39 (39.8)           | 8 (8.2)                  | 9 (9.2)                            | 98 (100.0)  |
| • RM5,000 dan ke atas           | 77 (59.2)                | 41 (31.5)           | 5 (3.8)                  | 7 (5.4)                            | 130 (100.0) |
| <b>Bilangan kelahiran hidup</b> |                          |                     |                          |                                    |             |
| • 0                             | 14 (7.4)                 | 123 (65.4)          | 19 (10.1)                | 32 (17.0)                          | 188 (100.0) |
| • 1                             | 36 (11.5)                | 166 (53.2)          | 59 (18.9)                | 51 (16.3)                          | 312 (100.0) |
| • 2                             | 141 (45.0)               | 72 (23.0)           | 49 (15.7)                | 51 (16.3)                          | 313 (100.0) |
| • 3                             | 129 (62.6)               | 27 (13.1)           | 15 (7.3)                 | 35 (17.0)                          | 206 (100.0) |
| • 4                             | 74 (74.7)                | 8 (8.1)             | 3 (3.0)                  | 14 (14.1)                          | 99 (100.0)  |
| • 5+                            | 43 (78.2)                | 4 (7.3)             | 2 (3.6)                  | 6 (10.9)                           | 55 (100.0)  |

Nota: Ingin anak sekarang – Ingin mempunyai anak dalam tempoh dua tahun dan ke bawah .  
 Ingin melewati kehamilan – Ingin mempunyai anak dalam tempoh tiga tahun dan ke atas

### 7.3 BILANGAN ANAK YANG IDEAL

Semua wanita yang terlibat di dalam kajian ini ditanya berkaitan pendapat mereka tentang bilangan anak yang dirasakan ideal untuk keluarga mereka. Analisis yang dijalankan menunjukkan min bilangan anak yang ideal adalah seramai 3.69 orang anak.

Jadual 7.4 menunjukkan 41.0 peratus responden merasakan bilangan anak yang ideal bagi keluarga mereka adalah seramai 4 orang. Sebahagian besar daripada responden dari kedua-dua sektor awam dan swasta merasakan bilangan anak yang ideal bagi keluarga mereka ialah 4 orang.

Dari segi etnik, sebanyak 45.6 peratus daripada responden etnik Melayu merasakan bilangan anak yang ideal bagi keluarga mereka adalah seramai 4 orang. Bagi responden etnik Cina dan India, 46.8 peratus dan 44.4 peratus masing-masing merasakan bilangan anak yang ideal hanyalah seramai 2 orang. Perbandingan dari segi umur dan pendapatan pula menunjukkan bahawa bagi setiap kategori umur dan pendapatan, peratus tertinggi bagi bilangan anak yang ideal adalah seramai 4 orang.

**Jadual 7.4**  
**Bilangan Anak Yang Ideal Menikut Ciri-Ciri Sosio-Demografi**

| Ciri-ciri Sosio-demografi | Bilangan anak yang ideal |            |             |             |              |             | Keseluruhan   |
|---------------------------|--------------------------|------------|-------------|-------------|--------------|-------------|---------------|
|                           | 0                        | 1          | 2           | 3           | 4            | 5 +         |               |
|                           | <b>0.0</b>               | <b>0.9</b> | <b>15.2</b> | <b>23.6</b> | <b>41.0</b>  | <b>19.4</b> | <b>100.0</b>  |
| <b>Sektor pekerjaan</b>   |                          |            |             |             |              |             |               |
| • Awam                    | 0 (0.0)                  | 12 (0.6)   | 227 (10.5)  | 482 (22.4)  | 948 (44.1)   | 483 (22.4)  | 2,152 (100.0) |
| • Swasta                  | 1 (0.1)                  | 17 (1.4)   | 281 (23.6)  | 308 (25.8)  | 423 (35.5)   | 163 (13.7)  | 1,193 (100.0) |
| <b>Etnik</b>              |                          |            |             |             |              |             |               |
| • Melayu                  | 1 (0.0)                  | 14 (0.5)   | 280 (10.0)  | 608 (21.8)  | 1,274 (45.6) | 615 (22.0)  | 2,792 (100.0) |
| • Cina                    | 0 (0.0)                  | 8 (3.7)    | 101 (46.8)  | 71 (32.9)   | 32 (14.8)    | 4 (1.9)     | 216 (100.0)   |
| • India                   | 0 (0.0)                  | 5 (2.4)    | 92 (44.4)   | 76 (36.7)   | 26 (12.6)    | 8 (3.9)     | 207 (100.0)   |
| • Bumiputera              | 0 (0.0)                  | 2 (2.0)    | 20 (20.0)   | 24 (24.0)   | 35 (35.0)    | 19 (19.0)   | 100 (100.0)   |
| • Lain-lain               | 0 (0.0)                  | 0 (0.0)    | 13 (59.1)   | 7 (31.8)    | 2 (9.1)      | 0 (0.0)     | 22 (100.0)    |
| <b>Umur (tahun)</b>       |                          |            |             |             |              |             |               |
| • < 25                    | 0 (0.0)                  | 2 (2.4)    | 15 (17.9)   | 16 (19.0)   | 29 (34.5)    | 22 (26.2)   | 84 (100.0)    |

| Ciri-ciri Sosio-demografi | Bilangan anak yang ideal |          |            |            |            |            | Keseluruhan   |
|---------------------------|--------------------------|----------|------------|------------|------------|------------|---------------|
|                           | 0                        | 1        | 2          | 3          | 4          | 5 +        |               |
| • 25-29                   | 0 (0.0)                  | 6 (0.7)  | 105 (11.5) | 217 (23.8) | 404 (44.4) | 178 (19.6) | 910 (100.0)   |
| • 30-34                   | 1 (0.1)                  | 11 (1.0) | 181 (15.9) | 269 (23.7) | 481 (42.4) | 192 (16.9) | 1,135 (100.0) |
| • 35-39                   | 0 (0.0)                  | 3 (0.5)  | 99 (15.5)  | 161 (25.2) | 256 (40.1) | 120 (18.8) | 639 (100.0)   |
| • 40-44                   | 0 (0.0)                  | 3 (1.0)  | 56 (18.4)  | 74 (24.3)  | 102 (33.4) | 70 (23.0)  | 305 (100.0)   |
| • 45-49                   | 0 (0.0)                  | 4 (1.6)  | 46 (18.5)  | 46 (18.5)  | 91 (36.7)  | 61 (24.6)  | 248 (100.0)   |
| <b>Pendapatan</b>         |                          |          |            |            |            |            |               |
| • <RM1,000                | 0 (0.0)                  | 1 (1.6)  | 7 (10.9)   | 11 (17.2)  | 28 (43.8)  | 17 (26.6)  | 64 (100.0)    |
| • RM1,000 – RM1,999       | 0 (0.0)                  | 9 (0.8)  | 145 (13.3) | 241 (22.1) | 482 (44.2) | 215 (19.7) | 1,092 (100.0) |
| • RM2,000 – RM2,999       | 0 (0.0)                  | 3 (0.3)  | 133 (14.0) | 225 (23.7) | 398 (41.9) | 191 (20.1) | 950 (100.0)   |
| • RM3,000 – RM3,999       | 0 (0.0)                  | 8 (1.3)  | 91 (15.3)  | 160 (26.1) | 224 (36.5) | 127 (20.7) | 613 (100.0)   |
| • RM4,000 – RM4,999       | 0 (0.0)                  | 3 (1.2)  | 45 (18.1)  | 65 (26.2)  | 96 (38.7)  | 39 (15.7)  | 248 (100.0)   |
| • RM5,000 dan ke atas     | 1 (0.3)                  | 4 (1.3)  | 59 (19.9)  | 67(22.6)   | 120 (40.4) | 46 (15.5)  | 297 (100.0)   |

**Jadual 7.5**  
**Bilangan Anak Yang Ideal Menigkut Ciri-Ciri Sosio-Demografi Dalam Kalangan Pekerja Awam**

| Ciri-ciri Sosio-demografi | Bilangan anak yang ideal |           |            |            |            | Keseluruhan   |
|---------------------------|--------------------------|-----------|------------|------------|------------|---------------|
|                           | 1                        | 2         | 3          | 4          | 5 +        |               |
| <b>Etnik</b>              |                          |           |            |            |            |               |
| • Melayu                  | 9 (0.5)                  | 174 (8.8) | 417 (21.1) | 912 (46.1) | 468 (23.6) | 1,980 (100.0) |
| • Cina                    | 1 (3.1)                  | 12 (37.5) | 11 (34.4)  | 7 (21.9)   | 1 (3.1)    | 32 (100.0)    |
| • India                   | 0 (0.0)                  | 29 (39.7) | 35 (47.9)  | 8 (11.0)   | 1 (1.4)    | 73 (100.0)    |
| • Bumiputera              | 2 (3.4)                  | 7 (11.9)  | 18 (30.5)  | 19 (32.2)  | 13 (22.0)  | 59 (100.0)    |
| • Lain-lain               | 0 (0.0)                  | 4 (80.0)  | 1 (20.0)   | 0 (0.0)    | 0 (0.0)    | 5 (100.0)     |
| <b>Umur (tahun)</b>       |                          |           |            |            |            |               |
| • < 25                    | 1 (2.0)                  | 8 (15.7)  | 12 (23.50) | 15 (29.4)  | 15 (29.4)  | 51 (100.0)    |
| • 25-29                   | 3 (0.5)                  | 50 (7.8)  | 150 (23.4) | 300 (46.8) | 138 (21.5) | 641 (100.0)   |
| • 30-34                   | 4 (0.5)                  | 95 (12.1) | 174 (22.1) | 356 (45.3) | 157 (20.0) | 786 (100.0)   |
| • 35-39                   | 2 (0.5)                  | 34 (9.3)  | 81 (22.1)  | 164 (44.7) | 86 (23.4)  | 367 (100.0)   |
| • 40-44                   | 1 (0.6)                  | 16 (10.4) | 33 (21.4)  | 57 (37.0)  | 47 (30.5)  | 154 (100.0)   |
| • 45-49                   | 1 (0.7)                  | 21 (14.7) | 31 (21.7)  | 52 (36.4)  | 38 (26.6)  | 143 (100.0)   |
| <b>Pendapatan</b>         |                          |           |            |            |            |               |
| • <RM1,000                | 0 (0.0)                  | 0 (0.0)   | 1 (16.7)   | 2 (33.3)   | 3 (50.0)   | 6 (100.0)     |
| • RM1,000 – RM1,999       | 5 (0.6)                  | 87 (11.2) | 167 (21.5) | 354 (45.6) | 163 (21.0) | 776 (100.0)   |
| • RM2,000 – RM2,999       | 1 (0.2)                  | 60 (9.4)  | 143 (22.5) | 283 (44.6) | 148 (23.3) | 635 (100.0)   |
| • RM3,000 – RM3,999       | 2 (0.5)                  | 39 (9.8)  | 97 (24.5)  | 159 (40.2) | 99 (25.0)  | 396 (100.0)   |

| Ciri-ciri Sosio-demografi | Bilangan anak yang ideal |           |           |           |           | Keseluruhan |
|---------------------------|--------------------------|-----------|-----------|-----------|-----------|-------------|
|                           | 1                        | 2         | 3         | 4         | 5 +       |             |
| • RM4,000 – RM4,999       | 2 (1.3)                  | 18 (12.0) | 36 (24.0) | 62 (41.3) | 32 (21.3) | 150 (100.0) |
| • RM5,000 dan ke atas     | 2 (1.2)                  | 21 (12.6) | 33 (19.8) | 78 (46.7) | 33 (19.8) | 167 (100.0) |

**Jadual 7.6**  
**Bilangan Anak Yang Ideal Menikut Ciri-Ciri Sosio-Demografi Dalam Kalangan Pekerja Swasta**

| Ciri-ciri Sosio-demografi | Bilangan anak yang ideal |          |            |            |              |            | Keseluruhan   |
|---------------------------|--------------------------|----------|------------|------------|--------------|------------|---------------|
|                           | 0                        | 1        | 2          | 3          | 4            | 5 +        |               |
| <b>Etnik</b>              |                          |          |            |            |              |            |               |
| • Melayu                  | 1 (0.0)                  | 14 (0.5) | 280 (10.0) | 608 (21.8) | 1,274 (45.6) | 615 (22.0) | 2,792 (100.0) |
| • Cina                    | 0 (0.0)                  | 8 (3.7)  | 101 (46.8) | 71 (32.9)  | 32 (14.8)    | 4 (1.9)    | 216 (100.0)   |
| • India                   | 0 (0.0)                  | 5 (2.4)  | 92 (44.4)  | 76 (36.7)  | 26 (12.6)    | 8 (3.9)    | 207 (100.0)   |
| • Bumiputera              | 0 (0.0)                  | 2 (2.0)  | 20 (20.0)  | 24 (24.0)  | 35 (35.0)    | 19 (19.0)  | 100 (100.0)   |
| • Lain-lain               | 0 (0.0)                  | 0 (0.0)  | 13 (59.1)  | 7 (31.8)   | 2 (9.1)      | 0 (0.0)    | 22 (100.0)    |
| <b>Umur (tahun)</b>       |                          |          |            |            |              |            |               |
| • < 25                    | 0 (0.0)                  | 2 (2.4)  | 15 (17.9)  | 16 (19.0)  | 29 (34.5)    | 22 (26.2)  | 84 (100.0)    |
| • 25-29                   | 0 (0.0)                  | 6 (0.7)  | 105 (11.5) | 217 (23.8) | 404 (44.4)   | 178 (19.6) | 910 (100.0)   |
| • 30-34                   | 1 (0.1)                  | 11 (1.0) | 181 (15.9) | 269 (23.7) | 481 (42.4)   | 192 (16.9) | 1,135 (100.0) |
| • 35-39                   | 0 (0.0)                  | 3 (0.5)  | 99 (15.5)  | 161 (25.2) | 256 (40.1)   | 120 (18.8) | 639 (100.0)   |
| • 40-44                   | 0 (0.0)                  | 3 (1.0)  | 56 (18.4)  | 74 (24.3)  | 102 (33.4)   | 70 (23.0)  | 305 (100.0)   |
| • 45-49                   | 0 (0.0)                  | 4 (1.6)  | 46 (18.5)  | 46 (18.5)  | 91 (36.7)    | 61 (24.6)  | 248 (100.0)   |
| <b>Pendapatan</b>         |                          |          |            |            |              |            |               |
| • <RM1,000                | 0 (0.0)                  | 1 (1.6)  | 7 (10.9)   | 11 (17.2)  | 28 (43.8)    | 17 (26.6)  | 64 (100.0)    |
| • RM1,000 – RM1,999       | 0 (0.0)                  | 9 (0.8)  | 145 (13.3) | 241 (22.1) | 482 (44.2)   | 215 (19.7) | 1,092 (100.0) |
| • RM2,000 – RM2,999       | 0 (0.0)                  | 3 (0.3)  | 133 (14.0) | 225 (23.7) | 398 (41.9)   | 191 (20.1) | 950 (100.0)   |
| • RM3,000 – RM3,999       | 0 (0.0)                  | 8 (1.3)  | 91 (15.3)  | 160 (26.1) | 224 (36.5)   | 127 (20.7) | 613 (100.0)   |
| • RM4,000 – RM4,999       | 0 (0.0)                  | 3 (1.2)  | 45 (18.1)  | 65 (26.2)  | 96 (38.7)    | 39 (15.7)  | 248 (100.0)   |
| • RM5,000 dan ke atas     | 1 (0.3)                  | 4 (1.3)  | 59 (19.9)  | 67(22.6)   | 120 (40.4)   | 46 (15.5)  | 297 (100.0)   |

#### 7.4 PERKARA YANG MEMPENGARUHI KEPUTUSAN UNTUK MELAHIRKAN ANAK/ANAK LAGI

Lazimnya, keputusan seseorang wanita untuk menambah bilangan anak dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Dalam kajian ini, setiap responden diminta menyatakan skor yang sesuai bagi 12 pernyataan berkaitan perkara-perkara yang mempengaruhi mereka dalam membuat keputusan untuk melahir/menambah bilangan anak. Bagi setiap item, responden diminta untuk memberi skor yang dirasakan sesuai di mana skala 1 bermaksud 'Sangat tidak mempengaruhi' dan skala 10 bermaksud 'Sangat mempengaruhi'.

Secara keseluruhannya, daripada 12 item yang diberikan, didapati skor min yang tertinggi adalah bagi item 'Kos pendidikan yang semakin meningkat' dengan skor 7.70, diikuti oleh item 'Keadaan kewangan' dengan skor 7.53 (Jadual 7.7). Ini memberi gambaran bahawa perkara yang melibatkan kewangan mempunyai pengaruh yang kuat terhadap keinginan untuk mempunyai anak/anak lagi. Perkara yang sama juga yang mendapat skor min tertinggi sekiranya perbandingan mengikut sektor pekerjaan dilakukan.

**Jadual 7.7**  
**Analisis Min Skor Perkara Yang Mempengaruhi Keputusan Untuk Melahir/Menambah Bilangan Anak**

| Bil  | Item  | Sektor Pekerjaan |        | Keseluruhan |
|------|---|------------------|--------|-------------|
|      |   | Awam             | Swasta |             |
| i    | Kos pendidikan yang semakin meningkat                                 | 7.67             | 7.77   | 7.70        |
| ii   | Keadaan kewangan  | 7.56             | 7.47   | 7.53        |
| iii  | Hubungan dengan suami   | 6.91             | 6.91   | 6.91        |
| iv   | Kerjaya   | 6.53             | 6.40   | 6.49        |
| v    | Kemudahan perubatan dan rawatan bersalin yang disediakan oleh majikan | 6.47             | 6.39   | 6.44        |
| vi   | Mudah mengambil cuti bagi menjaga anak                                | 6.47             | 6.29   | 6.41        |
| vii  | Kerjaya suami   | 6.28             | 6.57   | 6.38        |
| viii | Keadaan kesihatan   | 6.25             | 6.36   | 6.29        |
| ix   | Kebergantungan pada anak untuk sokongan hidup pada hari tua           | 6.08             | 5.75   | 5.96        |
| x    | Keadaan rumah   | 5.88             | 6.04   | 5.94        |
| xi   | Hasrat suami untuk memiliki anak                                      | 6.13             | 5.56   | 5.93        |

|     |  |      |      |      |
|-----|--|------|------|------|
| xii | Pengalaman ibu bapa dalam penjagaan anak | 5.86 | 5.66 | 5.79 |
|-----|--|------|------|------|

## 7.5 KESAN JIKA MELAHIRKAN ANAK/ANAK LAGI

Responden turut diminta menyatakan skor yang sesuai bagi pernyataan berkaitan kesan terhadap beberapa perkara sekiranya mereka melahirkan anak/anak lagi (dalam tempoh tiga tahun ini). Bagi aspek ini, 11 item telah dibina dan bagi setiap item, skala 1 bermaksud 'Semakin bertambah buruk' dan skala 10 bermaksud 'Semakin bertambah baik'.

Merujuk Jadual 7.8, skor min yang paling tinggi adalah bagi item 'Hubungan dengan suami', diikuti dengan item 'Hubungan dengan anak yang lain', 'Hubungan dengan ibu bapa' dan 'Hubungan dengan mentua', iaitu masing-masing dengan skor 7.91, 7.75, 7.69 dan 7.55. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden berpendapat melahirkan anak/anak lagi boleh mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan mereka. Perbandingan mengikut sektor pekerjaan turut menunjukkan perkara yang sama bagi kedua-dua sektor pekerjaan, awam dan swasta.

Item yang mendapat skor paling rendah bagi analisis secara keseluruhan ialah item kebebasan bagi melakukan aktiviti yang ingin dilakukan, iaitu 5.92. selain itu, antara item yang mendapat skor min yang rendah ialah item 'Keadaan kewangan' iaitu 6.02.

**Jadual 7.8**  
**Analisis Min Skor Kesan Jika Melahirkan Anak/Anak Lagi**

| Bil  | Item                            | Sektor Pekerjaan |        | Keseluruhan |
|------|---------------------------------|------------------|--------|-------------|
|      |                                 | Awam             | Swasta |             |
| i    | Hubungan dengan suami           | 8.04             | 7.68   | 7.91        |
| ii   | Hubungan dengan anak yang lain  | 7.82             | 7.61   | 7.75        |
| iii  | Hubungan dengan ibu bapa        | 7.83             | 7.41   | 7.69        |
| iv   | Hubungan dengan mentua          | 7.71             | 7.24   | 7.55        |
| v    | Kualiti asas kehidupan          | 6.95             | 6.57   | 6.82        |
| vi   | Pembangunan kerjaya suami       | 6.96             | 6.51   | 6.80        |
| vii  | Pandangan masyarakat sekeliling | 6.82             | 6.45   | 6.69        |
| viii | Pembangunan kerjaya             | 6.39             | 5.95   | 6.24        |
| ix   | Aktiviti seksual                | 6.20             | 5.72   | 6.03        |
| x    | Keadaan kewangan                | 6.19             | 5.71   | 6.02        |



|    |  |      |      |      |
|----|--|------|------|------|
| xi | Kebebasan bagi melakukan aktiviti yang ingin dilakukan | 6.02 | 5.73 | 5.92 |
|----|--|------|------|------|

## 7.6 PENGARUH UNTUK MELAHIRKAN ANAK/ANAK LAGI

Faktor lain yang turut dikaji berkaitan pengaruh untuk melahirkan anak/anak lagi adalah pengaruh orang lain terhadap keputusan untuk melahirkan anak/anak lagi. Bagi aspek ini, 4 item telah dibina dan bagi setiap item, skala 1 bermaksud 'Sangat tidak setuju' dan skala 10 bermaksud 'Sangat setuju'.

Jadual 7.9 menunjukkan bahawa tahap persetujuan responden adalah rendah untuk ibu bapa, mentua, rakan dan saudara-mara dalam mempengaruhi keputusan mereka untuk mempunyai anak/anak lagi dalam tempoh tiga tahun ini. Walaubagaimanapun, antara empat pengaruh ini, didapati pengaruh rakan adalah antara yang mempengaruhi keputusan responden untuk melahirkan anak/anak lagi berbanding dengan pengaruh ahli keluarga iaitu saudara mara, ibu bapa atau mentua.

**Jadual 7.9**  
**Analisis Min Skor Pengaruh Untuk Melahirkan Anak/Anak Lagi**

| Bil | Item  | Sektor Pekerjaan |        | Keseluruhan |
|-----|---|------------------|--------|-------------|
|     |   | Awam             | Swasta |             |
| i   | Ramai di antara rakan saya berpendapat bahawa saya harus mempunyai anak/anak lagi dalam tempoh 3 tahun ini        | 5.42             | 4.51   | 5.11        |
| ii  | Ramai di antara saudara mara saya berpendapat bahawa saya harus mempunyai anak/anak lagi dalam tempoh 3 tahun ini | 5.13             | 4.37   | 4.87        |
| iii | Ibu bapa saya sering menyatakan pada saya bahawa saya harus mempunyai anak/anak lagi dalam tempoh 3 tahun ini     | 4.89             | 4.23   | 4.66        |
| iv  | Mentua saya sering menyatakan pada saya bahawa saya harus mempunyai anak/anak lagi dalam tempoh 3 tahun ini       | 4.76             | 4.03   | 4.51        |

## **BAB 8**

### **KESIMPULAN**

Dalam mencapai objektif kajian yang ditetapkan, pelbagai analisis tambahan turut dijalankan. Antara penemuan kajian ini ialah berkaitan min umur perkahwinan pertama. Didapati bahawa umur perkahwinan pertama semakin dilewatkan dan responden Cina didapati paling lewat berkahwin berbanding responden etnik lain. Umur perkahwinan pertama juga didapati dipengaruhi oleh tahap pendidikan seseorang responden di mana semakin tinggi pendidikan seseorang wanita, semakin lewat mereka berkahwin.

Seperti min umur perkahwinan pertama, min bilangan anak yang pernah dilahirkan juga dipengaruhi oleh beberapa faktor. Antaranya, semakin meningkat umur seseorang wanita, semakin tinggi min bilangan anak yang pernah dilahirkan. Selain itu, faktor etnik juga turut mempengaruhi di mana responden etnik Melayu didapati mempunyai min bilangan anak yang lebih tinggi berbanding responden etnik lain. Perbandingan mengikut tahap pendidikan responden pula menunjukkan responden yang berpendidikan rendah mempunyai lebih ramai anak berbanding wanita yang berpendidikan tertiar.

Di samping itu hasil penemuan kajian mendapati bahawa terdapat responden yang mengalami masalah kesuburan. Sungguhpun peratusannya tidak besar, namun perkara ini juga perlu diberi perhatian kerana ia adalah salah satu faktor yang mempengaruhi kadar kesuburan. Analisis mendapati peratus responden wanita yang mengalami masalah kesuburan adalah lebih tinggi berbanding suami mereka. Pengetahuan berkaitan kaedah perancangan keluarga juga perlu diberi penekanan kerana kajian mendapati sebanyak 16.8 peratus daripada responden yang tidak hamil semasa kajian dijalankan mempunyai keperluan kontraseptif yang belum dipenuhi.

Daripada aspek aturan penjagaan anak, aturan penjagaan anak yang menjadi pilihan responden ialah pengasuh, taman asuhan kanak-kanak (TASKA/TASKI) dan ibu bapa/mentua. Bagi bayaran penjagaan anak, min bayaran penjagaan anak yang perlu dibelanjakan oleh responden bagi anak berumur 6 tahun dan ke bawah adalah sebanyak

RM272.92 sebulan bagi setiap orang anak. Kajian juga mendapati min bayaran penjagaan anak didapati menurun dengan meningkatnya umur anak.

Bagi faktor-faktor yang mempengaruhi keinginan wanita untuk inginkan anak sekarang, ingin melewati kehamilan atau tidak ingin anak/anak lagi, beberapa telah dapat dikenalpasti. Antaranya, bilangan anak yang pernah dilahirkan. Secara keseluruhannya, peratus untuk tidak inginkan anak lagi meningkat apabila bilangan anak yang pernah dilahirkan bertambah. Lebih separuh daripada responden yang telah mempunyai tiga orang anak tidak inginkan anak lagi. Kajian ini turut memberi gambaran bahawa etnik turut mempengaruhi keinginan responden untuk mempunyai anak di mana responden etnik Melayu dan etnik India didapati ingin mempunyai lebih ramai anak berbanding responden etnik Cina. Faktor lain yang turut mempengaruhi ialah umur di mana semakin meningkat umur responden, semakin tinggi peratus untuk tidak inginkan anak lagi.

Dari segi perkara yang mempengaruhi keputusan untuk melahirkan anak/anak lagi, didapati 'Kos pendidikan yang semakin meningkat' dan 'Keadaan kewangan' merupakan perkara yang kuat mempengaruhi keputusan responden dalam membuat keputusan melahir/menambah bilangan anak. Bagi aspek kesan jika melahirkan anak/anak lagi, majoriti responden berpendapat melahirkan anak/anak lagi boleh mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan mereka.

Dapat disimpulkan bahawa hasil kajian menunjukkan peratus responden yang inginkan anak masih boleh dianggap tinggi. Malah bilangan anak yang dirasakan ideal oleh responden juga berada di atas paras penggantian iaitu seramai 3.69 orang anak. Oleh itu, langkah yang sewajarnya perlu diambil bagi membantu mereka mencapai fertiliti yang diinginkan dengan menyediakan sokongan yang diperlukan di samping mewujudkan persekitaran tempat kerja yang mesra keluarga.

## SENARAI RUJUKAN

1. David E. Horlacher and Landis Mackellar (2003). *Population Ageing In Japan: Policy Lessons For South-East Asia, Asia–Pacific Development Journal, Vol. 10, No. 1* diakses dari <http://www.unescap.org/sites/default/files/apdj10-1-5-horlacher-mackellar.pdf> pada 23 Ogos 2016.
2. *Department of Economics and Social Affairs, Population Division, United Nations, New York (2013). World Population Prospects: The 2012 Revision, Volume I: Comprehensive Tables.*
3. Jabatan Perangkaan Malaysia (1983). Laporan Am Banci Penduduk dan Perumahan, 1980.
4. Jabatan Perangkaan Malaysia (1995). Laporan Am Banci Penduduk dan Perumahan, 1991.
5. Jabatan Perangkaan Malaysia (2010). Ciri-ciri Isi Rumah 2010.
6. Jabatan Perangkaan Malaysia (2011). Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Malaysia, 2010.
7. Jabatan Perangkaan Malaysia (2012). Unjuran Penduduk Malaysia 2010-2040. ISBN 978-983-9044-80-5.
8. Jabatan Perangkaan Malaysia (2012). Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Malaysia, 2011. ISSN 0128-0503.
9. Jabatan Perangkaan Malaysia (2013). Perangkaan Penting, Malaysia, 2012.
10. Jabatan Perangkaan Malaysia (2016). Siaran Akhbar Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Malaysia, 2015.
11. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2011). Perangkaan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia 2011.
12. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2015). Perangkaan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia 2015. ISBN 2289-876X.

13. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (2012). Second Population Strategic Plan, Main Report. ISBN 978-983-2205-78-4.
14. Syed Abdul Razak Bin Sayed Mahadi (2009). Perubahan Struktur Umur Penduduk: Impak dan Cabaran Kepada Pembangunan, Malaysia Transformasi dan Perubahan Sosial, Arah Publications diakses dari <https://books.google.com.my/> pada 23 Ogos 2016.